



AIG General Insurance (Malaysia) Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

(795492-W)

**LAPORAN DAN PENYATA
KEWANGAN BERKANUN**

BAGI TEMPOH KEWANGAN
DARI 13 NOVEMBER 2007 (*Tarikh Diperbadankan*)
HINGGA 31 DISEMBER 2008

KANDUNGAN

LAPORAN PENGARAH	1 – 15
PENYATA PENGARAH	16
AKUAN BERKANUN	17
LAPORAN JURUAUDIT BEBAS	18 - 19
PENYATA KEWANGAN:	
KUNCI KIRA-KIRA	20
PENYATA PENDAPATAN	21
AKAUN HASIL INSURANS AM	22
PENYATA PERUBAHAN EKUITI	23
PENYATA ALIRAN TUNAI	24 - 25
NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN	26 - 57

LAPORAN PENGARAH

Pengarah dengan sukacita membentangkan laporan pertama mereka berserta penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tempoh kewangan dari 13 November 2007 (tarikh diperbadankan) hingga 31 Disember 2008.

AKTIVITI PRINSIPAL

Menurut Seksyen 217(b) Akta Insurans 1996, American Home Assurance Company, syarikat induk memindahkan operasinya di Malaysia kepada Syarikat ini bermula dari 1 Jun 2008. Keberikutannya, Syarikat ini menjalankan aktiviti prinsipalnya, iaitu perniagaan penajajaminan insurans bagi semua jenis perniagaan insurans am.

Tiada sebarang perubahan nyata dalam aktiviti-aktiviti sepanjang tempoh kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

Keuntungan bersih bagi tempoh kewangan

RM

36,419,454

DIVIDEN

Pengarah tidak menyarankan sebarang pembayaran dividen bagi tempoh kewangan dari 13 November 2007 (tarikh diperbadankan) hingga 31 Disember 2008.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pemindahan nyata ke atau daripada rizab dan peruntukan sepanjang tempoh kewangan.

PERUNTUKAN TUNTUTAN TERTUNGGAK

Sebelum penyata kewangan Syarikat dibentangkan, para Pengarah mengambil langkah munasabah untuk memastikan peruntukan untuk tuntutan ditanggung adalah mencukupi. Ini termasuk Tuntutan Tertanggung Tetapi Tidak Dilaporkan ("IBNR").

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

HUTANG LAPUK DAN RAGU

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Syarikat dibentangkan, para Pengarah mengambil langkah munasabah untuk memastikan tindakan yang sesuai diambil berkaitan dengan pelupusan hutang lapuk dan membuat peruntukan hutang ragu. Mereka berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui dilupuskan dan peruntukan hutang ragu adalah mencukupi.

Pada tarikh laporan, para Pengarah Syarikat tidak sedar bahawa terdapat keadaan yang menjadikan jumlah hutang lapuk yang dihapuskan atau peruntukan hutang ragu dalam penyata kewangan Syarikat tidak mencukupi.

ASET SEMASA

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Syarikat dibentangkan, para Pengarah mengambil langkah munasabah untuk memastikan nilai sebarang aset semasa yang tidak mungkin direalisasikan sewaktu perniagaan dijalankan akan ditunjukkan dalam rekod perakaunan Syarikat sebagai jumlah yang dijangka dapat direalisasikan.

Pada tarikh laporan, para Pengarah tidak sedar bahawa terdapat keadaan yang menjadikan nilai aset semasa dalam penyata kewangan Syarikat mengelirukan.

KAEDAH PENILAIAN

Pada tarikh laporan, para Pengarah tidak sedar bahawa terdapat keadaan yang menjadikan kaedah penilaian aset atau liabiliti yang digunakan sekarang dalam Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai.

KONTINGEN DAN LIABILITI LAIN

Pada tarikh laporan ini, tiada didapati:

- (a) sebarang caj ke atas aset Syarikat yang timbul sejak akhir tempoh kewangan yang menjamin liabiliti sesiapa; atau
- (b) sebarang liabiliti kontingen Syarikat yang timbul sejak akhir tempoh kewangan.

Pada pendapat para Pengarah, tiada kontingen atau liabiliti lain yang dikuatkuasakan atau mungkin dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas tempoh kewangan berakhir, yang akan atau mungkin menjejaskan kemampuan Syarikat memenuhi kewajipannya apabila masanya tiba.

Untuk tujuan perenggan ini, kontingen atau liabiliti lain tidak termasuk liabiliti yang timbul daripada kontrak penajaminan insurans dalam urusan perniagaan Syarikat.

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

PERUBAHAN KEADAAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak sedar bahawa terdapat keadaan yang tidak diuruskan dalam laporan ini atau penyata kewangan Syarikat yang akan menjadikan sesuatu jumlah yang mengelirukan dalam penyata kewangan ini.

PERKARA LUAR BIASA

Pada pendapat para Pengarah, keputusan operasi Syarikat semasa tempoh kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusan atau peristiwa yang nyata dan luar biasa.

Pada pendapat para Pengarah, dari masa tempoh kewangan berakhir hingga tarikh laporan ini, tiada sebarang perkara, urusan atau peristiwa yang nyata dan luar biasa yang menjejaskan keputusan operasi Syarikat dengan ketara untuk tempoh kewangan di mana laporan ini dibuat.

TERBITAN SAHAM

Syarikat diperbadankan dengan saham modal yang dibenarkan sebanyak RM500,000,000 yang terdiri daripada 500,000,000 saham biasa pada harga RM1.00 sesaham serta modal saham diterbitkan dan berbayar sebanyak RM2 yang terdiri daripada saham pembeli.

Pada 1 Jun 2008, Syarikat menguntukkan dan menerbitkan 99,999,998 saham biasa baru dengan harga RM1.00 sesaham pada nilai parnya sebagai sebahagian daripada pertimbangan pembelian untuk pemerolehan perniagaan daripada syarikat induk untuk memenuhi modal saham diterbitkan dan modal saham berbayar sebanyak RM100,000,000 yang diperlukan di bawah Seksyen 18 dalam Akta Insurans 1996.

Pada 26 Jun 2008, Syarikat menguntukkan dan menerbitkan 210,800,000 saham biasa baru dengan harga RM1.00 sesaham pada nilai parnya sebagai pertimbangan pembelian yang tinggal untuk pemerolehan perniagaan daripada syarikat induk.

Saham biasa baru yang diterbitkan semasa tempoh itu diberi pangkat 'pari passu' dari semua segi dalam saham biasa semasa Syarikat.

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

PERISTIWA PENTING SEMASA TEMPOH KEWANGAN

(a) Pemindahan Perniagaan daripada Syarikat Induk

Pada tahun 2007, syarikat induk, American Home Assurance Company (“AHA”) telah memohon kepada Bank Negara Malaysia (“BNM”) untuk menyetempatan Cawangan Malaysia (“AHAM”) supaya menjadi syarikat awam berhad yang ditubuhkan secara tempatan mengikut Seksyen 14 dan 217 (b) Akta Insurans 1996. Akta ini memerlukan semua cawangan penanggung insurans asing, selain daripada penanggung insurans semula yang profesional untuk memindahkan harta, perniagaan dan liabilitinya ke syarikat awam yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat, 1965 kerana perkaitannya dengan perniagaan insurans di Malaysia.

Sebuah syarikat yang diperbadankan secara tempatan, iaitu AIG General Insurance (Malaysia) Berhad (“Syarikat”) telah diperbadankan pada 13 November 2007. Pada 13 Februari 2008, Syarikat telah mengikat perjanjian penjualan perniagaan yang bersyarat dengan AHA untuk memindahkan semua Perniagaan Insurans Am (“Perniagaan”) AHAM kepada Syarikat, secara berterusan, berdasarkan nilai buku bersih (“NBB”) aset bersih AHAM pada tarikh penyelesaian. Pemindahan perniagaan ini telah diluluskan oleh BNM, Suruhanjaya Sekuriti dan Menteri Kewangan.

Pada 1 Jun 2008, Perniagaan telah dipindahkan kepada Syarikat pada NBB aset bersih AHAM yang bertarikh 31 Mei 2008. Pada hari yang sama, Syarikat memperolehi lesen insurans amnya dan menjalankan perniagaan insurans amnya.

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

PERISTIWA PENTING SEMASA TEMPOH KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(b) Dasar Pemindahan

Oleh kerana pemindahan perniagaan dikawal oleh peraturan dan perniagaan-perniagaan berasingan tidak disatukan menjadi satu entiti laporan, definisi gabungan perniagaan di bawah FRS 3 Gabungan Perniagaan tidak dipenuhi. Oleh itu, pemindahan perniagaan ini dianggap sebagai organisasi semula dalaman.

Oleh kerana tidak terdapat petunjuk dalam FRS untuk urusan organisasi semula dalaman, jadi, pemindahan perniagaan daripada syarikat induk dikira sebagai gabungan perniagaan di bawah kawalan am dan kaedah perakaunan pendahulu digunakan.

Kaedah perakaunan pendahulu memerlukan penyata-penyata kewangan disediakan mengikut cara pendahulu, iaitu nilai buku tanpa peningkatan ke atas nilai saksama. Perbezaan antara sebarang pertimbangan dan nilai buku agregat aset dan liabiliti (pada tarikh urusan) untuk entiti yang diperolehi direkod sebagai pelarasan ke atas ekuiti. Muhibah tidak perlu diwujudkan akibat urusan ini.

Pemindahan perniagaan ini dipenuhi dengan penerbitan 310,800,000 saham biasa baru pada harga RM1.00 sesaham pada par dan jumlah belum bayar kepada syarikat induk ialah RM2,415,851.

Aset dan liabiliti yang timbul daripada pemindahan perniagaan adalah seperti berikut:

	RM
Hartanah, peralatan danengkapan	9,160,103
Aset tidak ketara	224,446
Pinjaman	4,690,505
Pelaburan	449,989,861
Deposit tetap/pasaran wang	202,093,735
Tunai dan baki bank	12,299,870
Pelbagai penghutang	79,539,589
Aset cukai tertunda	3,925,680
Aset cukai semasa	14,969,170
Peruntukan tuntutan tertunggak	(201,080,494)
Pelbagai pemiutang	(86,297,228)
Rizab premium tidak terperoleh	(176,299,388)
	<u>313,215,849</u>

Pertimbangan pembelian:

- 310,800,000 saham biasa baru Syarikat pada harga RM 1.00	
sesaham diterbitkan pada par	310,799,998
- Jumlah belum bayar kepada syarikat induk	2,415,851
	<u>313,215,849</u>

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

PARA PENGARAH DAN KEPENTINGAN MEREKA DALAM SEKURITI

Para pengarah yang memegang jawatan sejak tarikh pemerbadanan Syarikat sehingga tarikh laporan ini ialah:

Brad Michael Bennett	(dilantik pada 26 November 2007, meletak jawatan pada 13 Januari 2009)
Soo Wai Har	(dilantik pada 26 November 2007)
Leslie John Mouat	(dilantik pada 9 Mei 2008)
Pamela Yeo Suan Imm	(dilantik pada 9 Mei 2008)
Chiang Khai Fuat	(dilantik pada 9 Mei 2008)
Dato' Thomas Mun Lung Lee	(dilantik pada 9 Mei 2008)
Dato Wan Ismail Bin Abd Rahman	(dilantik pada 9 Mei 2008, meletak jawatan pada 10 September 2008)
Robert George Ryan	(dilantik pada 13 Januari 2009)
Mohd Daruis bin Zainuddin	(dilantik pada 12 Februari 2009)
Ian Sedgley @ Imran	(Pengarah Pertama, meletak jawatan pada 26 November 2007)
Tay Weng Hwee	(Pengarah Pertama, meletak jawatan pada 26 November 2007)

FAEDAH PENGARAH

Pada masa dan pada akhir tempoh kewangan, tiada rancangan oleh Syarikat sebagai parti dengan objek atau objek-objek yang membenarkan para pengarah Syarikat mendapat faedah melalui pemerolehan saham atau debentur Syarikat atau sebarang badan korporat lain selain daripada Skim Opsyen Saham Pekerja American International Group, Inc, syarikat induk utama.

Sejak tarikh pemerbadanan Syarikat, tiada pengarah yang menerima atau berhak menerima sebarang faedah (selain daripada faedah yang termasuk dalam jumlah agregat emolumen yang diterima atau patut diterima dan boleh diterima oleh para pengarah serta yuran profesional yang diterima oleh Pengarah seperti yang ditunjukkan dalam Nota 20 penyata kewangan atau gaji tetap pekerja penuh masa Syarikat dan perbadanan yang berkaitan dengannya) atas sebab kontrak dibuat oleh Syarikat atau perbadanan yang berkaitan dengan seseorang Pengarah atau dengan firma di mana Pengarah tersebut ialah seorang ahli atau dengan syarikat di mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

FAEDAH PENGARAH (SAMBUNGAN)

Menurut daftar pemegangan saham para Pengarah, kepentingan para Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tempoh kewangan berkenaan saham dan opsyen atas saham dalam syarikat induk muktamad semasa tempoh kewangan adalah seperti berikut:

American International Group Inc. Kepentingan Langsung	Bilangan saham biasa pada harga US\$2.50 setiap satu			
	Pada tarikh perlantikan	Dibeli/ Terletak hak	Dijual	Pada 31.12.2008
Leslie John Mouat	53,799	0	0	53,799
Soo Wai Har	412	100	0	512
Pamela Yeo Suan Imm	169	0	0	169

American International Group Inc.	Bilangan unit saham terbatas atas saham biasa pada harga US\$2.50 setiap satu			
	Pada tarikh perlantikan	Diberikan	Terletak hak	Pada 31.12.2008
Brad Michael Bennett	12,234	0	0	12,234
Soo Wai Har	750	374	100	1,024
Pamela Yeo Suan Imm	200	498	0	698
Chiang Khai Fuat	11,762	0	0	11,762

American International Group Inc.	Bilangan opsyen saham atas saham biasa pada harga US\$2.50 setiap satu			
	Pada tarikh perlantikan	Diberikan	Luput	Pada 31.12.2008
Brad Michael Bennett	15,000	0	0	15,000
Leslie John Mouat	22,256	0	0	22,256
Soo Wai Har	800	0	0	800
Chiang Khai Fuat	6,462	0	562	5,900

Selain dibentangkan di atas, tiada para Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tempoh kewangan yang mempunyai kepentingan saham dalam Syarikat atau saham, opsyen atas saham dan debentur perbadanan yang berkaitan semasa tempoh kewangan.

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

SYARIKAT INDUK SEMASA DAN UTAMA

Syarikat induk semasa ialah American Home Assurance Company, iaitu sebuah syarikat yang diperbadankan di New York dan para Pengarah menganggap American International Group, Inc., iaitu sebuah syarikat yang diperbadankan di Delaware, sebagai syarikat induk utama.

RANGKA HEMAT URUSTADBIR KORPORAT

Syarikat telah mengambil langkah hemat untuk memastikan terdapat pematuhan kepada Rangka Hemat Urustadbir Korporat (JPI/GPI 25) (Digabungkan) Bank Negara Malaysia ("BNM") untuk penanggung insurans dan mengamalkan praktis yang terbaik sepanjang masa.

(A) TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH DAN PENGAWASAN

Lembaga Pengarah bertanggungjawab ke atas urustadbir Syarikat dan melaksanakan tanggungjawab ini dengan mematuhi Akta Insurans 1996, Peraturan Insurans 1996 ("Peraturan") dan Garis Panduan BNM tentang Piawaian Minimum untuk Pengurusan Hemat bagi Penanggung Insurans (JPI/GPI 1) (Digabungkan) dan Rangka Hemat Urustadbir Korporat (JPI/GPI 25) (Digabungkan) dan arahan-arahan lain, selain daripada mengamalkan praktis yang terbaik lain tentang urustadbir korporat.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memimpin Syarikat. Ini termasuk menetapkan arah masa depan yang strategik, mengulas keberkesanan objektif korporat dan mengawasi kelakuan dan prestasi perniagaan.

Lembaga Pengarah terdiri daripada 2 Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, 3 Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif dan 2 Pengarah Eksekutif. Lembaga Pengarah berkeelayakan dan berpengetahuan luas dalam bidang perniagaan dan kewangan untuk menunjukkan arah yang berkesan dari segi objektif korporat dan strategi perniagaan.

Lembaga Pengarah telah bermesyuarat 3 kali dalam tempoh 7 bulan sejak 1 Jun 2008, iaitu masa Syarikat menjadi penanggung insurans berlesen tempatan. Semua Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tempoh kewangan memenuhi keperluan kehadiran minimum 75% dalam mesyuarat.

Butir-butir kehadiran setiap Pengarah semasa mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sepanjang tempoh kewangan adalah seperti berikut:

Nama Pengarah (Status Pengarah)	Jumlah Mesyuarat Kehadiran
Brad Michael Bennett	(Pengarah Ketua Eksekutif, meletak jawatan pada 13 Januari 2009) 3/3
Soo Wai Har	(Pengarah Eksekutif Bukan Bebas) 3/3
Leslie John Mouat	(Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif) 2/3
Pamela Yeo Suan Imm	(Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif) 3/3
Chiang Khai Fuat	(Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif) 3/3
Dato Wan Ismail Bin Abd Rahman	(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, meletak jawatan pada 10 September 2008) 1/1
Dato' Thomas Mun Lung Lee	(Pengarah Bebas Bukan Eksekutif) 3/3

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

RANGKA HEMAT URUSTADBIR KORPORAT (SAMBUNGAN)

(A) TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH DAN PENGAWASAN (SAMBUNGAN)

Untuk menyokong urustadbir dan proses-proses korporat dengan baik, Lembaga Pengarah menubuhkan beberapa Jawatankuasa Lembaga Pengarah, iaitu Jawatankuasa Pencalonan, Jawatankuasa Ganjaran, Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Audit yang mematuhi keperluan GPI/JPI 1. Garis panduan mewajibkan pematuan sepenuhnya kepada Syarat-Syarat Rujukan Jawatankuasa ini. Lembaga Pengarah telah mengamalkan Syarat-Syarat Rujukan Jawatankuasa ini.

Peranan dan ahli-ahli Jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut.

Jawatankuasa Pencalonan

Jawatankuasa Pencalonan terdiri daripada 5 ahli yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.

Ahli-ahlinya adalah seperti berikut:

Dato' Thomas Mun Lung Lee	Pengerusi (Bebas Bukan Eksekutif)
Mohd Daruis bin Zainuddin	Ahli (Bebas Bukan Eksekutif)
Robert George Ryan	Ahli (Eksekutif)
Leslie John Mouat	Ahli (Bukan Bebas Bukan Eksekutif)
Chiang Khai Fuat	Ahli (Bukan Bebas Bukan Eksekutif)

Objektif Jawatankuasa Pencalonan adalah untuk mewujudkan prosedur yang didokumentasikan dengan formal dan nyata bagi perantukan para Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai-pegawai kanan utama. Jawatankuasa ini juga menilai keberkesanan para Pengarah secara individu, Lembaga Pengarah secara keseluruhan (termasuk lain-lain jawatankuasa Lembaga Pengarah), Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai-pegawai kanan utama secara berterusan.

Tugas dan tanggungjawab prinsipal Jawatankuasa Pencalonan adalah:

- mewujudkan keperluan minimum untuk Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif melaksanakan tanggungjawab mereka dengan berkesan. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab mengawasi Lembaga Pengarah dengan sepenuhnya dari segi saiz yang sesuai dan gabungan kemahiran, keseimbangan antara eksekutif, bukan eksekutif dan Pengarah bebas serta kecekapan utama lain yang diperlukan;
- penyaranan dan penilaian calon untuk jawatan Pengarah, para Pengarah untuk mengisi Jawatankuasa Lembaga Pengarah, serta calon untuk jawatan Ketua Pegawai Eksekutif. Ini termasuk menilai para Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif yang dicadangkan untuk perantukan semula sebelum permohonan kelulusan diserahkan kepada BNM;
- mewujudkan mekanisme untuk penilaian formal dan menilai keberkesanan Lembaga Pengarah sepenuhnya, sumbangan setiap Pengarah ke atas keberkesanan Lembaga Pengarah, sumbangan jawatankuasa Lembaga Pengarah yang berlainan dan prestasi Ketua Pegawai Eksekutif. Penilaian juga patut dipastikan agar Pengarah tidak dibatalkan kelayakannya di bawah undang-undang yang relevan dan memenuhi kriteria 'tepat dan sesuai';

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

RANGKA HEMAT URUSTADBIR KORPORAT (SAMBUNGAN)

(A) TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH DAN PENGAWASAN (SAMBUNGAN)

Jawatankuasa Pencalonan (sambungan)

- (d) menyarankan pelucutan Pengarah atau Ketua Pegawai Eksekutif daripada Lembaga Pengarah jika dia kurang cekap, curang atau cuai dalam menjalankan tanggungjawabnya;
- (e) memastikan semua Pengarah mengikuti program induksi yang sesuai dan mengikuti latihan yang berterusan; dan
- (f) mengawasi perantaraan, pengurusan perancangan pengambilalihan dan penilaian prestasi pegawai kanan utama, serta menyarankan kepada Lembaga Pengarah pelucutan pegawai kanan utama jika mereka kurang cekap, curang dan cuai dalam menjalankan tanggungjawab mereka.

Tiada mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan sepanjang tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2008.

Jawatankuasa Ganjaran

Jawatankuasa Ganjaran terdiri daripada 5 Pengarah Bukan Eksekutif yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.

Ahli-ahlinya adalah seperti berikut:

Dato' Thomas Mun Lung Lee	Pengerusi (Bebas Bukan Eksekutif)
Mohd Daruis bin Zainuddin	Ahli (Bebas Bukan Eksekutif)
Leslie John Mouat	Ahli (Bukan Bebas Bukan Eksekutif)
Chiang Khai Fuat	Ahli (Bukan Bebas Bukan Eksekutif)
Pamela Yeo Suan Imm	Ahli (Bukan Bebas Bukan Eksekutif)

Objektif Jawatankuasa Ganjaran adalah memberikan prosedur yang formal dan nyata untuk membentuk polisi ganjaran para Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai kanan utama serta memastikan pampasan mereka berdaya saing dan konsisten dengan budaya, objektif dan strategi Syarikat.

Tugas dan tanggungjawab prinsipal Jawatankuasa Ganjaran adalah:

- (a) menyarankan rangka ganjaran para Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai-pegawai kanan utama. Polisi ganjaran patut:-
 - didokumentasikan dan diluluskan sepenuhnya oleh Lembaga Pengarah dan sebarang perubahan perlu disahkan sepenuhnya oleh Lembaga Pengarah;
 - menunjukkan pengalaman dan tahap tanggungjawab yang dipegang oleh setiap Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai kanan utama;
 - mencukupi untuk menarik dan mengekalkan para Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai-pegawai kanan utama yang berkaliber untuk menguruskan syarikat dengan berjaya; dan
 - seimbang dengan keperluan untuk memastikan dana penanggung insurans tidak digunakan sebagai subsidi untuk pakej ganjaran yang keterlaluan dan tidak patut mewujudkan insentif untuk kelakuan yang tidak bertanggungjawab atau lebihan untuk orang dalaman.

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

RANGKA HEMAT URUSTADBIR KORPORAT (SAMBUNGAN)

(A) TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH DAN PENGAWASAN (SAMBUNGAN)

Jawatankuasa Ganjaran (sambungan)

(b) menyarankan pakej ganjaran yang spesifik untuk para Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai-pegawai kanan utama. Pakej ganjaran patut:-

- berasaskan pertimbangan objektif dan diluluskan sepenuhnya oleh Lembaga Pengarah;
- mempertimbangkan penilaian Jawatankuasa Pencalonan tentang keberkesanan dan sumbangan para Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif atau pegawai-pegawai kanan utama yang terlibat;
- tidak diputuskan oleh pertimbangan seorang individu sahaja atau terhad kepada sekumpulan individu tertentu; dan
- berdaya saing dan konsisten dengan budaya, objektif dan strategi Syarikat.

Tiada mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran sepanjang tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2008.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Jawatankuasa Pengurusan Risiko terdiri daripada 4 Pengarah Bukan Eksekutif yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.

Ahli-ahlinya adalah seperti berikut:

Mohd Daruis bin Zainuddin	Pengerusi (Bebas Bukan Eksekutif)
Dato' Thomas Mun Lung Lee	Ahli (Bebas Bukan eksekutif)
Chiang Khai Fuat	Ahli (Bukan Bebas Bukan Eksekutif)
Pamela Yeo Suan Imm	Ahli (Bukan Bebas Bukan Eksekutif)

Objektif Jawatankuasa Pengurusan Risiko adalah mengawasi aktiviti pengurusan kanan dalam menguruskan bahagian risiko utama Syarikat dan memastikan proses pengurusan risiko yang sewajarnya wujud dan berfungsi secara berkesan.

Tugas dan tanggungjawab prinsipal Jawatankuasa Pengurusan Risiko adalah:

- (a) mengulaskan dan menyarankan strategi pengurusan risiko, polisi dan paras toleransi risiko untuk diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
- (b) mengulaskan dan menilai kecukupan polisi pengurusan risiko dan rangka untuk mengenal pasti, mengukur, mengawasi dan mengawal risiko serta kesemua ini beroperasi dengan berkesan;

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

RANGKA HEMAT URUSTADBIR KORPORAT (SAMBUNGAN)

(A) TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH DAN PENGAWASAN (SAMBUNGAN)

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (sambungan)

- (c) memastikan infrastruktur, sumber dan sistem adalah mencukupi untuk pengurusan risiko yang berkesan; misalnya memastikan pekerja yang bertanggungjawab ke atas pelaksanaan sistem pengurusan risiko menjalankan tugasnya secara bebas daripada aktiviti berisiko Syarikat; dan
- (d) mengulaskan laporan berkala pengurusan tentang pendedahan risiko, kandungan portfolio risiko dan aktiviti pengurusan risiko.

Tiada mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko sepanjang tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2008.

Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit terdiri daripada ahli-ahli berikut:

Mohd Daruis bin Zainuddin	Pengerusi (Bebas Bukan Eksekutif)
Dato' Thomas Mun Lung Lee	Ahli (Bebas Bukan Eksekutif)
Pamela Yeo Suan Imm	Ahli (Bukan Bebas Bukan Eksekutif)

Objektif utama Jawatankuasa Audit adalah memastikan proses laporan kewangan benar dan nyata.

Tugas dan tanggungjawab prinsipal Jawatankuasa Audit adalah:

- (a) Memastikan bahawa jabatan audit dalaman adalah ketara dan mempunyai status yang sewajarnya dalam struktur keseluruhan organisasi untuk juruaudit dalaman mencapai objektif mereka dengan berkesan;
- (b) Mengulaskan dan mempersetujui pelan audit tahunan, piagam audit dan belanjawan tahunan jabatan audit dalaman dan temujanji juruaudit luaran;
- (c) Memastikan kakitangan audit dalaman mempunyai capaian yang bebas dan tidak terhad ke atas rekod, aset, pekerja Syarikat atau proses yang relevan dengan dan dalam skop audit;
- (d) Mengulaskan pelbagai hubungan antara juruaudit luaran dengan Syarikat atau sebarang entiti lain yang mungkin menjejaskan atau kelihatan menjejaskan pertimbangan atau kebebasan juruaudit luaran yang berkaitan dengan Syarikat;
- (e) Mengulaskan bersama juruaudit luaran supaya pelan audit adalah sesuai dan skop pelan audit mencerminkan terma dalam surat perlantikan;
- (f) Mengulaskan penyata-penyata kewangan, laporan audit, termasuk laporan kepada BNM bersama juruaudit luaran dan membincangkan dapatan dan isu yang timbul daripada audit luaran;
- (g) Memastikan usaha pembaikan pengurusan tentang dapatan dan saranan audit dalaman dan luaran diselesaikan secara berkesan dan tepat pada waktunya;

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

RANGKA HEMAT URUSTADBIR KORPORAT (SAMBUNGAN)

(A) TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH DAN PENGAWASAN (SAMBUNGAN)

Jawatankuasa Audit (sambungan)

- (h) Meluluskan perkhidmatan bukan audit oleh juruaudit luaran dan memastikan tahap perkhidmatan bukan audit yang diberikan adalah selaras dengan pengekaln kebebasan juruaudit;
- (i) Mengulaskan penyata Pengerusi, laporan kewangan interim, pengumuman saringan dan pendedahan urustadbir korporat dalam Laporan Para Pengarah;
- (j) Mengulaskan urusanniaga dengan pihak yang berkaitan dan konflik kepentingan yang mungkin timbul dalam sebarang urusanniaga, prosedur atau kelakuan yang menimbulkan persoalan tentang kejujuran pengurusan;
- (k) Memastikan akaun-akaun Syarikat disediakan dan diterbitkan tepat pada masanya dan juga tepat untuk tujuan perundangan, pengurusan dan laporan am; dan
- (l) Melapor kepada BNM setiap tahun, tentang kelemahan yang nyata dalam persekitaran kawalan dalaman serta langkah-langkah yang diambil untuk menangani kelemahan-kelemahan itu.

Jawatankuasa Audit berkuasa untuk menyiasat semua perkara dalam lingkungan rujukannya dan mempunyai capaian yang tidak terhad ke atas semua maklumat dan dokumen yang relevan dengan aktivitinya, juruaudit dalaman dan luaran, serta pekerja dan ejen Syarikat.

Tiada mesyuarat Jawatankuasa Audit sepanjang tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2008.

(B) AKAUNTABILITI PENGURUSAN

Syarikat mempunyai struktur organisasi yang jelas untuk deskripsi tugas, had kuasa dan sempadan operasi lain setiap pekerja pengurusan dan eksekutif serta penilaian prestasi formal dilakukan setiap tahun. Maklumat dikomunikasikan secara berkesan kepada pekerja yang relevan di dalam Syarikat. Syarikat mempunyai prosedur yang formal dan nyata untuk menghasilkan polisi ganjaran eksekutif. Tiada Pengarah dan pengurusan kanan Syarikat yang mempunyai konflik kepentingan dalam sebarang keadaan seperti yang dirujuk dalam Seksyen 54 dan 55 Akta Insurans, 1996.

Pihak pengurusan memenuhi semua keperluan preskriptif di bawah seksyen ini dan telah mengamalkan praktis terbaik dalam bahagian struktur organisasi dan pembahagian tugas, konflik kepentingan, penentuan matlamat dan bahagian komunikasi.

(C) KEBEBASAN KORPORAT

Semua urusanniaga ketara dengan pihak yang berkaitan dilakukan atas syarat yang dapat dibandingkan dengan syarat komersial biasa yang dispesifikasikan di bawah Garis Panduan BNM JPI/GPI 19 Urusniaga dengan Pihak Berkaitan dan (JPI/GPI 25) (Digabungkan) Rangka Hemat Urustadbir Korporat untuk Penanggung Insurans. Urusniaga dengan pihak berkaitan dan baki telah didedahkan dalam penyata kewangan selaras dengan Piawai Perakaunan MASB (Approved Accounting Standards Malaysia) yang diluluskan di Malaysia untuk entiti selain daripada entiti persendirian.

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

RANGKA HEMAT URUSTADBIR KORPORAT (SAMBUNGAN)

(D) KAWALAN DALAMAN DAN PENGURUSAN RISIKO OPERASI

Terdapat proses yang berterusan untuk mengenal pasti, menilai dan menguruskan risiko penting yang dihadapi oleh Syarikat menerusi fungsi pengurusan dan kawalan dalaman yang ditentukan. Ini termasuk penentuan had risiko operasi untuk semua aktiviti utama. Syarikat telah mengasaskan kawalan dalaman yang meliputi semua peringkat pekerja yang dapat mengenal pasti dan menilai risiko nyata secara berterusan, termasuk risiko penajajaminan, risiko menginsurans semula, risiko pelaburan, risiko operasi dan perundangan yang dapat menjejaskan prestasi dan keadaan kewangan Syarikat.

Pengulasan dan penilaian yang berterusan mengenai keberkesanan dan kecukupan kawalan dalaman, termasuk pemeriksaan bebas ke atas kawalan oleh fungsi audit dalaman, untuk memastikan tindakan pembetulan, sekiranya perlu, diambil tepat pada masanya.

(E) AUDIT DALAMAN

Fungsi audit dalaman adalah dibekalkan oleh syarikat induk utama, AIG. Kumpulan Audit Dalaman yang melapor langsung kepada Jawatankuasa Audit AIG juga membantu Jawatankuasa Audit Syarikat menjalankan tugas dan tanggungjawabnya.

Fungsi utama Kumpulan Audit Dalaman termasuk penilaian keberkesanan dan kecukupan kawalan dalaman, termasuk pemeriksaan bebas ke atas kawalan dan memastikan tindakan pembetulan, sekiranya perlu, diambil tepat pada masanya.

(F) AKAUNTABILITI AWAM

Sebagai penjaga dana awam, urusan Syarikat yang dijalankan dengan pihak awam adalah adil, jujur dan profesional. Syarikat memenuhi semua keperluan preskriptif dan praktis terbaik di bawah seksyen ini yang berkaitan dengan amalan tidak adil.

(G) LAPORAN KEWANGAN

Lembaga Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan rekod perakaunan disimpan dengan baik dan penyata kewangan Syarikat disediakan menurut Piawai Perakaunan MASB (Approved Accounting Standards Malaysia) yang diluluskan di Malaysia untuk entiti selain daripada entiti persendirian. Syarikat memenuhi semua keperluan preskriptif di bawah seksyen ini yang berkaitan dengan rekod, laporan tahunan, pendedahan awam dan laporan berkanun. Selain itu, Syarikat juga memenuhi keperluan praktis terbaik tentang laporan pengurusan, di mana petunjuk prestasi utama dilaporkan setiap bulan.

LAPORAN PENGARAH (SAMBUNGAN)

JURUAUDIT

Juruaudit luaran, iaitu PricewaterhouseCoopers bersara dan menyatakan kesudian mereka untuk dilantik semula.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi Lembaga Pengarah.

Robert George Ryan
Pengarah

Kuala Lumpur
25 Mac 2009

Dato' Thomas Mun Lung Lee
Pengarah

PENYATA PARA PENGARAH MENURUT PERUNTUKAN SEKSYEN 169(15) AKTA SYARIKAT, 1965

Kami, **Robert George Ryan** dan **Dato' Thomas Mun Lung Lee**, selaku dua daripada para Pengarah **AIG General Insurance (Malaysia) Berhad**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan dari muka surat 20 hingga 57 disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2008 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tempoh kewangan berakhir pada tarikh tersebut disediakan menurut peruntukan dalam Akta Syarikat, 1965 dan Piawai Perakaunan MASB (Approved Accounting Standards Malaysia) yang diluluskan di Malaysia untuk entiti selain daripada entiti persendirian.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi yang diluluskan pada 25 Mac 2009.

Robert George Ryan
Pengarah

Dato' Thomas Mun Lung Lee
Pengarah

Kuala Lumpur

AKUAN BERKANUN MENURUT PERUNTUKAN SEKSYEN 169(16) AKTA SYARIKAT, 1965

Saya, Soo Wai Har, selaku Pengarah yang bertanggungjawab terutamanya ke atas pengurusan kewangan **AIG General Insurance (Malaysia) Berhad**, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya berikrar bahawa penyata kewangan bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2008 yang dibentangkan dari muka surat 20 hingga 57, mengikut pendapat saya adalah betul, dan saya membuat pengakuan ini dengan penuh kepercayaan bahawa ia adalah benar dan disediakan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

SOO WAI HAR

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya oleh Soo Wai Har di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur pada 25 Mac 2009.

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah
Kuala Lumpur

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI AIG GENERAL INSURANCE (MALAYSIA) BERHAD

LAPORAN PENYATA KEWANGAN

Kami telah mengaudit penyata kewangan AIG General Insurance Berhad, yang terdiri daripada kunci kira-kira pada 31 Disember 2008, penyata pendapatan, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tempoh kewangan berakhir tersebut dan ringkasan polisi perakaunan yang penting serta nota penjelasan yang lain pada muka surat 20 hingga 57.

Tanggungjawab Para Pengarah ke atas Penyata Kewangan

Tanggungjawab Para Pengarah Syarikat adalah untuk penyediaan dan pembentangan penyata kewangan ini dengan adil dan sejajar dengan Piawai Perakaunan MASB (Approved Accounting Standards Malaysia) yang diluluskan di Malaysia untuk entiti selain daripada entiti persendirian dan Akta Syarikat, 1965. Tanggungjawab ini termasuk: merangka, melaksana dan mengekalkan kawalan dalaman yang relevan dengan penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang adil dan bebas daripada kesilapan yang material, tidak kira akibat dari penipuan ataupun kesilapan; memilih dan menggunakan polisi perakaunan yang sesuai; dan membuat anggaran perakaunan ini wajar untuk semua keadaan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah menyatakan pendapat tentang penyata kewangan ini berdasarkan pengauditan kami. Kami menjalankan pengauditan kami berdasarkan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut mewajibkan kami untuk mematuhi keperluan etika dan merancang serta menjalankan pengauditan untuk mendapat kepastian sewajarnya sama ada penyata kewangan ini bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan ini melibatkan pelaksanaan prosedur untuk mendapatkan bukti pengauditan tentang jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko tentang kesilapan yang material dalam penyata kewangan, tidak kira akibat dari penipuan ataupun kesilapan. Semasa penilaian risiko itu, kami mempertimbangkan kawalan dalaman yang relevan dengan penyediaan entiti dan pembentangan penyata kewangan yang adil untuk merangka prosedur pengauditan yang sesuai dengan keadaan, dan bukan untuk tujuan menyatakan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman entiti. Pengauditan juga termasuk penilaian ke atas kesesuaian polisi perakaunan yang digunakan dan kewajaran jangkaan perakaunan yang dilakukan oleh para pengarah dan penilaian pembentangan penyata kewangan secara keseluruhannya.

Kami percaya bahawa bukti pengauditan yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk memberi asas yang munasabah untuk pendapat kami.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI AIG GENERAL INSURANCE (MALAYSIA) BERHAD (SAMBUNGAN)

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini telah disediakan mengikut Piawai Perakaunan MASB (Approved Accounting Standards Malaysia) yang diluluskan di Malaysia untuk entiti selain daripada entiti persendirian dan Akta Syarikat, 1965. Ini dapat memberikan pandangan yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2008 dan juga prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tempoh kewangan berakhir tersebut.

LAPORAN TENTANG KEPERLUAN PERUNDANGAN DAN PENGAWALAN LAIN

Mengikut keperluan dalam Akta Syarikat, 1965 di Malaysia, kami juga membuat laporan bahawa pada pendapat kami, perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang diperlukan oleh Akta telah disimpan oleh Syarikat dengan baik menurut peruntukan Akta.

PERKARA-PERKARA LAIN

Laporan ini hanya disediakan untuk ahli-ahli Syarikat, sebagai perbadanan, menurut Seksyen 174 dalam Akta Syarikat, 1965 di Malaysia dan bukannya untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab ke atas sesiapa tentang kandungan laporan ini.

PRICEWATERHOUSECOOPERS
(No. AF : 1146)
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia
25 Mac 2009

SRIDHARAN NAIR
(No. 2656/05/10 (J))
Rakan Firma

KUNCI KIRA-KIRA

PADA 31 DISEMBER 2008

	Nota	2008 RM
ASET		
Hartanah, peralatan danengkapan	4	13,401,665
Aset tidak ketara	5	161,859
Pelaburan	6	727,689,056
Pinjaman	7	4,074,829
Pelbagai penghutang	8	71,676,127
Aset cukai tertunda	9	5,311,817
Cukai boleh pulih		3,998,370
Tunai dan baki bank		16,817,665
Jumlah aset		<u>843,131,388</u>
LIABILITI		
Peruntukan bagi tuntutan belum jelas	10	249,963,588
Pelbagai pemiutang	11	78,559,260
		<u>328,522,848</u>
Rizab premium tidak terperoleh	12	167,389,086
Jumlah liabiliti		<u>495,911,934</u>
EKUITI PEMEGANG SAHAM		
Modal saham	13	310,800,000
Perolehan tertahan		36,419,454
Jumlah ekuiti pemegang saham		<u>347,219,454</u>
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI PEMEGANG SAHAM		<u>843,131,388</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA PENDAPATAN

BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

	Nota	2008 RM
Pendapatan operasi	14	<u>289,047,990</u>
Lebih dipindahkan dari Akaun Hasil Insurans Am		<u>49,579,787</u>
Keuntungan sebelum cukai Cukai	17	<u>49,579,787 (13,160,333)</u>
Keuntungan bersih untuk tempoh kewangan		<u>36,419,454</u>
Perolehan sesaham (sen)	18	<u>22</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

AKAUN HASIL INSURANS AM

BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

	Nota	Kebakaran RM	Motor RM	Marin, Penerbangan & Transit RM	Pelbagai RM	Jumlah RM
Premium kasar		50,998,878	92,319,436	5,794,340	120,609,612	269,722,266
Tolak: Insurans semula		(40,142,574)	(5,609,813)	(3,795,947)	(26,482,868)	(76,031,202)
Premium bersih		10,856,304	86,709,623	1,998,393	94,126,744	193,691,064
Tambah:						
Pengurangan dalam rizab premium tidak terperoleh	12	2,924,353	769,438	212,384	5,004,127	8,910,302
Premium terperoleh		13,780,657	87,479,061	2,210,777	99,130,871	202,601,366
Tuntutan bersih ditanggung	19	(14,147,524)	(64,055,707)	633,270	(15,839,733)	(93,409,694)
Komisen bersih		2,168,591	(8,927,356)	367,973	(15,553,499)	(21,944,291)
Lebihan penajajaminan sebelum perbelanjaan pengurusan		1,801,724	14,495,998	3,212,020	67,737,639	87,247,381
Perbelanjaan pengurusan	20					(58,273,791)
Lebihan penajajaminan						28,973,590
Pendapatan pelaburan	15					19,325,724
Pendapatan operasi lain - bersih	16					1,280,473
Lebihan dipindah ke Penyata Pendapatan						49,579,787

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

	Nota	Saham biasa diterbitkan dan dibayar penuh RM 1		Perolehan tertahan boleh diagih	Jumlah
		Bilangan saham	Nilai nominal RM		
					RM
Pada tarikh pemerbadanan		2	2	-	2
Keuntungan bersih bagi tempoh kewangan		-	-	36,419,454	36,419,454
Terbitan saham	13	310,799,998	310,799,998	-	310,799,998
Pada 31 Disember 2008		310,800,000	310,800,000	36,419,454	347,219,454

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

	Nota	2008 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Keuntungan bersih untuk tempoh kewangan		36,419,454
Pelarasan untuk:		
Hartanah, peralatan dan lengkapan		
- susut nilai		1,167,125
- keuntungan atas penjualan		(800)
Penghapuskiraan aset tidak ketara		62,587
Pendapatan pelaburan		(19,325,724)
Peruntukan bagi pengurangan dalam nilai pelaburan		1,200,810
Keuntungan bersih atas penjualan pelaburan		(87,654)
Pengurangan dalam rizab premium tidak terperoleh		(8,910,302)
Cukai		13,160,333
Hutang lapuk terhapus kira		29,498
Keuntungan pertukaran asing belum terealisasi		(184,843)
Penambahan dalam peruntukan hutang ragu		1,966,096
		<u>25,496,580</u>
Penambahan dalam deposit tetap		(5,787,786)
Penambahan dalam peruntukan bagi tuntutan belum jelas		48,883,094
Pengurangan dalam belum bayar perdagangan		(4,409,893)
Pengurangan dalam belum bayar lain		(5,743,919)
Pengurangan dalam pinjaman		564,383
Pengurangan dalam belum terima perdagangan		9,276,420
Penambahan dalam belum terima lain		(1,038,447)
Faedah pendapatan diterima		17,385,997
Dividen diterima		178,688
Pendapatan daripada penjualan pelaburan		15,189,157
Pembelian pelaburan		(86,492,924)
		<u>13,501,350</u>
Tunai dijana daripada operasi		
Cukai dibayar		(3,575,670)
Aliran masuk tunai bersih daripada aktiviti operasi	21	<u>9,925,680</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TEMPOH KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

	Nota	2008 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pendapatan daripada penjualan hartanah, peralatan danengkapan		800
Pembelian hartanah, peralatan danengkapan		(5,408,687)
Tunai dan tunai setaraan bagi perniagaan yang diperolehi	25	12,299,870
Aliran masuk tunai bersih daripada aktiviti pelaburan	21	<u>6,891,983</u>
PENAMBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN TUNAI SETARAAN		
	21	16,817,663
TUNAI DAN TUNAI SETARAAN PADA TARIKH PEMERBADANAN		
	21	<u>2</u>
TUNAI DAN TUNAI SETARAAN PADA 31 DISEMBER		
	21	<u>16,817,665</u>
Tunai dan tunai setaraan merangkumi:		
Tunai dan baki bank		<u>16,817,665</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2008

1. AKTIVITI UTAMA DAN INFORMASI AM

Menurut Seksyen 217 (b) Akta Insurans, 1996, American Home Assurance Company, syarikat induk, memindahkan operasinya di Malaysia kepada Syarikat ini bermula dari 1 Jun 2008. Keberikutannya, Syarikat ini mula menjalankan aktiviti prinsipalnya, iaitu penajajaminan semua jenis perniagaan insurans am.

Tiada sebarang perubahan nyata dalam aktiviti-aktiviti sepanjang tempoh kewangan.

Syarikat ialah sebuah syarikat awam liabiliti terhad, yang diperbadankan pada 13 November 2007 di bawah Akta Syarikat 1965 dan Akta Insurans 1996, dan didomisil di Malaysia. Pejabat berdaftar terletak di Aras 29, Menara AIA, 99 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur dan tempat utama perniagaan Syarikat ialah di Wisma AIG, 99 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

Syarikat induk semasa ialah American Home Assurance Company, iaitu sebuah syarikat yang diperbadankan di New York dan para Pengarahnya menganggap syarikat induk utama sebagai American International Group, Inc, sebuah syarikat yang diperbadankan di Delaware.

Penyata kewangan telah dibenarkan untuk terbitan oleh Lembaga Pengarah pada 25 Mac 2009.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar perakaunan berikut telah digunakan secara berterusan dalam urusan yang dianggap sebagai material berhubung dengan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya:

(a) Asas penyediaan

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan mengikut Piawaian Laporan Kewangan, Piawaian Perakaunan yang Diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") di Malaysia untuk entiti selain daripada entiti persendirian dan peruntukan Akta Syarikat, 1965, Akta Insurans, 1966 dan Garis Panduan dan Surat Pekeliling Bank Negara Malaysia ("BNM") yang relevan dalam segala aspek yang material.

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut kos sejarah kovensyen. Penyediaan penyata kewangan menurut Piawaian Laporan Kewangan yang memerlukan penggunaan taksiran dan anggaran perakaunan yang akan memberi kesan kepada jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti kontingen pada tarikh penyata kewangan, serta jumlah keuntungan dan perbelanjaan pada tempoh kewangan yang dilaporkan. Para Pengarah juga perlu menggunakan pertimbangan mereka dalam proses aplikasi dasar perakaunan Syarikat. Walaupun anggaran dan pertimbangan ini dibuat berasaskan pengetahuan para Pengarah yang sewarasnya menurut kejadian dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza.

Bahagian di mana pertimbangan sewarasnya atau rumit atau bahagian di mana tafsiran dan anggaran adalah mustahak kepada penyata kewangan telah dinyatakan dalam Nota 3.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(a) Asas penyediaan (sambungan)

Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran kepada piawaian semasa yang relevan serta boleh digunakan oleh Syarikat tetapi belum lagi efektif dan belum digunakan oleh Syarikat

Piawaian baru dan tafsiran IC yang boleh digunakan oleh Syarikat, tetapi masih belum digunakan oleh Syarikat, adalah seperti berikut:

IC Tafsiran 9 Penilaian Semula Derivatif Terbenam (efektif setiap tahun bermula dari atau selepas 1 Januari 2010). IC Tafsiran 9 memerlukan penilaian entiti sama ada derivatif terbenam perlu diasingkan daripada kontrak hos dan dikira sebagai derivatif apabila entiti bermula menjadi salah satu pihak dalam kontrak. Penilaian semula selanjutnya tidak dibenarkan kecuali terdapat perubahan dalam syarat kontrak yang mengubah aliran tunai dengan ketara di dalam kontrak. Keadaan ini memerlukan penilaian semula. Syarikat akan menggunakan piawaian ini untuk tempoh kewangan bermula dari 1 Januari 2010.

Piawaian berikut akan menjadi efektif setiap tahun bermula dari atau selepas 1 Januari 2010. Syarikat akan menggunakan piawaian ini untuk tempoh kewangan bermula dari 1 Januari 2010. Syarikat telah menggunakan peruntukan peralihan dalam piawaian masing-masing yang mengecualikan entiti daripada pendedahan impak yang mungkin timbul daripada penggunaan piawaian ke atas penyata kewangan Syarikat pada mulanya.

- | | |
|-----------|--|
| - FRS 139 | Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran |
| - FRS 4 | Kontrak Insurans |
| - FRS 7 | Instrumen Kewangan: Pendedahan |

Piawaian, pindaan kepada piawaian yang diterbitkan dan tafsiran kepada piawaian semasa yang tidak relevan kepada Syarikat dan belum lagi efektif

FRS 8 Segmen Operasi (efektif setiap tahun bermula dari atau selepas 1 Julai 2009). FRS 8 menggantikan FRS 114₂₀₀₄ Laporan Segmen. Piawaian baru memerlukan 'kaedah pengurusan' untuk pembentagan maklumat segmen pada dasar yang sama dengan tujuan penggunaan laporan dalaman.

IC Tafsiran 10 Laporan Kewangan Interim dan Rosot Nilai (efektif setiap tahun bermula dari atau selepas 1 Januari 2010). IC Tafsiran 10 melarangkan pengiktirafan kerugian rosot nilai dalam tempoh interim muhibah dan pelaburan dalam instrumen ekuiti serta aset kewangan dibawa kos diterbalikkan dalam tarikh kunci kira-kira selanjutnya. Syarikat akan menggunakan piawaian ini untuk tempoh kewangan bermula dari 1 Januari 2009.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(b) Gabungan perniagaan di bawah kawalan am (sambungan)

Pemindahan perniagaan insurans daripada syarikat induk, seperti dinyatakan dalam Nota 25, dikira sebagai gabungan perniagaan di bawah kawalan am dengan menggunakan kaedah perakaunan pendahulu. Di bawah kaedah perakaunan pendahulu, penyata pendapatan merangkumi keputusan setiap entiti yang digabungkan bermula dari tarikh penggabungan. Aset dan liabiliti entiti gabungan dikira mengikut jumlah dibawa dari perspektif parti kawalan am atau entiti gabungan jika parti kawalan am tidak menyediakan penyata kewangan yang digabungkan. Lebihan kos pemerolehan daripada jumlah dibawa agregat aset dan liabiliti pada tarikh gabungan diambil kira sebagai ekuiti.

(c) Hartanah, peralatan danengkapan dan susut nilai

Hartanah, peralatan danengkapan adalah dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul.

Kos selanjutnya dimasukkan ke dalam jumlah dibawa aset atau dikira sebagai aset yang berasingan hanya jika faedah ekonomi pada masa hadapan aset itu dimasukkan dalam Syarikat dan kos aset itu boleh diukur dengan tepat. Jumlah dibawa untuk bahagian yang diganti tidak akan diambil kira. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain dicaj ke dalam akaun hasil dan/atau penyata pendapatan pada tahun semasa kos tersebut ditanggung. Kos pengubahsuaian yang banyak dimasukkan dalam jumlah dibawa aset itu hanya jika lebihan faedah ekonomi pada masa hadapan daripada prestasi asal aset semasa yang dinilai itu dimasukkan ke dalam Syarikat.

Susut nilai bagi hartanah, peralatan danengkapan diperuntukkan atas dasar garis lurus untuk menghapuskan kos aset sehingga ke nilai sisanya sepanjang tempoh hayat berguna aset tersebut, dianggarkan seperti berikut:

Perabot dan peralatan	5 - 10 tahun
Peralatan komputer	2 - 3 tahun
Kenderaan bermotor	5 tahun
Pengubahsuaian	5 - 15 tahun

Nilai sisa dan tempoh hayat berguna aset akan dinilai semula dan diselaraskan sekiranya perlu pada setiap tarikh kunci kira-kira.

Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Syarikat akan menilai sama ada terdapat sebarang rosot nilai. Sekiranya terdapat rosot nilai, kajian akan dibuat untuk menentukan sama ada jumlah dibawa aset boleh dipulih sepenuhnya. Penurunan nilai akan dibuat sekiranya jumlah dibawa melebihi jumlah boleh pulih. Lihat dasar perakaunan Nota 2(k) untuk rosot nilai aset.

Keuntungan dan kerugian atas penjualan ditentukan dengan membandingkan pendapatan dengan jumlah dibawa dan dikredit atau dicaj ke dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(d) Mata wang asing

Penyata kewangan dikemukakan dalam Ringgit Malaysia, yang merupakan mata wang yang digunakan dan dikemukakan oleh Syarikat.

Urusniaga dengan mata wang asing ditukarkan kepada mata wang yang digunakan mengikut kadar pertukaran pada tarikh urusniaga. Keuntungan dan kerugian daripada pertukaran asing hasil daripada urusniaga-urusniaga tersebut dan kadar pertukaran aset dan liabiliti monetari dalam mata wang asing pada akhir tahun diambilkira dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil.

Semua aset dan liabiliti kewangan pada kunci kira-kira dinyatakan dalam Ringgit Malaysia kecuali dinyatakan lain.

(e) Pelaburan

Sekuriti Kerajaan Malaysia, kertas Cagamas dan sekuriti hutang diluluskan yang tidak disembutharga seperti yang ditentukan oleh BNM dinyatakan pada kos terlaras bagi pelunasan premium atau pertambahan diskaun yang dikira berasaskan hasil malar dari tarikh pembelian hingga tarikh matang. Pelunasan premium dan pertambahan diskaun adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil.

Pelaburan disembutharga dinyatakan pada kos dan nilai pasaran yang mana lebih rendah atas dasar agregat portfolio bagi setiap kategori pelaburan, kecuali terdapat pengurangan dalam nilai sesuatu pelaburan yang tidak dianggap sementara, peruntukan khusus akan dibuat terhadap nilai pelaburan itu. Nilai pasaran ditentukan dengan merujuk kepada harga tutup bursa saham pada tarikh penyata kewangan.

Pelaburan tidak disembutharga dinyatakan pada kos dan peruntukan bagi pengurangan dalam nilai dibuat jika pada pendapat para Pengarah, terdapat penurunan selain daripada sementara dalam nilai pelaburan tersebut. Sekiranya ada penurunan selain daripada sementara dalam nilai pelaburan, penurunan nilai ini akan diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun kewangan itu, iaitu pada masa penurunan itu dikenal pasti.

(f) Aset tidak ketara – perisian komputer

Lesen perisian komputer yang dibeli dipermodalkan berasaskan jumlah kos pembelian dan penggunaan perisian tersebut. Kos tersebut dilunaskan mengikut anggaran tempoh hayat berguna.

Kos berkaitan dengan penyelenggaraan program perisian diiktiraf sebagai perbelanjaan. Kos yang berkaitan terus dengan produk perisian yang dikenal pasti dan unik di bawah kawalan Syarikat, dan kemungkinan besar menghasilkan faedah ekonomi yang melebihi kos menjangkau satu tahun, diiktiraf sebagai aset tidak ketara. Kos merangkumi kos pekerja yang terlibat dalam pembangunan perisian dan bahagian overhead berkaitan yang diperuntukkan.

Kos pembangunan perisian komputer diiktiraf sebagai aset dilunaskan dengan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang anggaran tempoh hayat berguna.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(g) Manfaat pekerja

- (i) Manfaat pekerja jangka masa pendek
Upah, gaji, cuti tahunan dan cuti sakit berbayar, bonus dan manfaat bukan wang diakru pada tahun kewangan di mana perkhidmatan tersebut diberikan oleh pekerja Syarikat.
- (ii) Manfaat selepas tamat pekerjaan
Caruman Syarikat kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, skim caruman negara, dicaj ke dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil tempoh kewangan berkenaan. Sekiranya caruman sudah dibayar, Syarikat tidak ada sebarang obligasi pembayaran.
- (iii) Pampasan berasaskan saham
Pekerja Syarikat layak menyertai pelan pampasan berasaskan saham ekuiti jelas yang ditawarkan oleh satu-satunya syarikat induk, American International Group Inc. Perkhidmatan pekerja yang diterima sebagai pengganti pemberian saham dan opsyen saham diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil pada jangka masa hak pemberian saham bersamaan ekuiti tambahan.

Jumlah penuh untuk dibelanjakan pada jangka masa hak ditentukan dengan merujuk kepada nilai saksama opsyen saham diberikan dan mengecualikan kesan hak bukan pasaran (sebagai contoh, matlamat keuntungan dan peningkatan jualan). Keadaan hak bukan pasaran disertakan dalam anggaran bilangan opsyen yang dijangka diberi hak. Pada setiap tarikh kunci kira-kira, Syarikat menyemak semula anggaran bilangan opsyen saham yang dijangka diberi hak. Ia mengiktiraf kesan menyemak semula anggaran asal, sekiranya ada, pada penyata pendapatan dan/atau akaun hasil, bersamaan pelarasan ekuiti.

Tiada pampasan berasaskan saham yang diiktiraf sepanjang tempoh kewangan.

(h) Dividen kepada pemegang saham syarikat

Dividen ke atas saham biasa diiktiraf sebagai liabiliti dalam tempoh kewangan dividen-dividen itu diumumkan.

(i) Penghutang perdagangan

Penghutang perdagangan adalah dibawa pada jumlah diinvois tolak elaun dibuat hutang ragu.

Hutang lapuk yang diketahui dihapuskan dan elaun khusus dibuat untuk sebarang hutang yang dianggap ragu. Tambahan elaun dibuat untuk sebarang premium termasuk baki ejen atau baki insurans semula yang belum terjawab untuk tempoh lebih daripada 6 bulan dari tarikh ia menjadi terhutang kecuali premium motor di mana elaun dibuat untuk jumlah yang belum terjawab yang melebihi 30 hari.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(j) Pengiktirafan pendapatan lain

Pendapatan faedah atas pinjaman adalah diiktiraf atas dasar akrual kecuali bagi pinjaman yang dianggap tidak berbayar iaitu bayaran tertunggak melebihi enam bulan, di mana pengiktirafan ke atas faedah itu adalah digantung. Berikutan dengan penggantungan itu, faedah adalah diiktiraf atas dasar resit sehingga semua tunggakan telah dibayar.

Lain-lain pendapatan faedah, termasuk jumlah pelunasan premium dan pertambahan diskaun, adalah diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar hasil efektif aset itu.

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima bayaran adalah kukuh.

Keuntungan dan kerugian atas penjualan pelaburan dikreditkan atau dicajkan ke dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil.

(k) Penjejasan aset

Nilai dibawa aset akan dikaji semula untuk penjejasan apabila terdapat sebarang tanda aset mungkin terjejas. Penjejasan dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan jumlah boleh pulih. Jumlah boleh pulih adalah yang lebih tinggi di antara nilai boleh realis bersih dan nilai dalam guna, yang dikira merujuk kepada aliran tunai terdiskaun. Jumlah boleh pulih dijangka untuk aset individu, atau, sekiranya tidak boleh, untuk unit janaan tunai.

Kerugian akibat penjejasan dicaj ke dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil dengan serta-merta.

Penambahan selanjutnya dalam jumlah boleh pulih aset adalah dianggap sebagai penarikbalikan kerugian penjejasan sebelumnya dan diiktiraf ke tahap jumlah dibawa aset yang akan ditentukan (selepas pelunasan dan susut nilai) sekiranya tiada kerugian akibat penjejasan diiktiraf. Penarikbalikan ini diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil dengan serta-merta.

(l) Pajakan operasi

Pajakan aset di mana sebahagian besar daripada risiko dan ganjaran hakmilik disimpan oleh pemberi pajak adalah diklasifikasikan sebagai pajakan operasi. Bayaran di bawah pajakan operasi adalah dicaj ke dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil pada kadar garis lurus sepanjang jangka masa pajakan.

Apabila pajakan operasi ditamatkan sebelum jangka masa pajakan tamat tempoh, sebarang bayaran yang harus dibayar kepada pemberi pajak sebagai denda adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun kewangan di mana penamatan itu berlaku.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(m) Hasil penajajaminan insurans am

Hasil penajajaminan insurans am ditentukan untuk setiap kelas perniagaan selepas mengambilkira insurans semula, komisen, premium tidak terperoleh dan tuntutan ditanggung.

Pendapatan premium

Pendapatan premium adalah diiktiraf dalam tahun kewangan untuk risiko yang ditanggung sepanjang tahun kewangan tersebut. Premium daripada perniagaan terus diiktiraf semasa tahun kewangan selepas pengeluaran nota debit premium. Premium bagi risiko tertanggung yang mana nota-nota debit belum dikeluarkan pada tarikh penyata aset dan liabiliti adalah diakru pada tarikh tersebut.

Premium insurans semula perjanjian masuk diiktiraf pada kadar bayaran berkala diterima daripada penanggung insurans penyerah.

Premium insurans semula alir keluar diiktiraf dalam jangka masa perakaunan yang sama seperti polisi asal di mana insurans semula itu dikaitkan.

Rizab premium tidak terperoleh ("UPR")

Rizab premium tidak terperoleh ("UPR") mewakili bahagian premium bersih polisi insurans bertulis yang berkaitan dengan tempoh belum tamat polisi pada akhir tahun kewangan.

Untuk menentukan rizab premium tidak terperoleh, kaedah yang paling tepat mewakili premium sebenar tidak terperoleh digunakan. Rizab premium tidak terperoleh dikira mengikut bulan perakaunan untuk premium berdasarkan perkara-perkara berikut:

- (i) kaedah 25% untuk kargo marin, kargo penerbangan dan perniagaan transit tahunan;
- (ii) kaedah 1/24 untuk kelas perniagaan am lain yang berkaitan dengan polisi tahunan di Malaysia, diturunkan melalui peratusan kasar komisen perniagaan terus ke atas premium yang berkaitan, tetapi tidak melebihi tahap yang ditentukan oleh BNM; dan
- (iii) kaedah pembahagian mengikut masa untuk polisi bukan-tahunan, diturunkan melalui peratusan kasar komisen perniagaan langsung ke atas premium yang berkaitan, tetapi tidak melebihi tahap yang ditentukan oleh BNM.

Peruntukan untuk tuntutan

Liabiliti untuk tuntutan belum jelas adalah diiktiraf untuk kedua-dua insurans terus dan insurans semula aliran masuk. Jumlah tuntutan belum jelas adalah anggaran terbaik perbelanjaan diperlukan bersama perbelanjaan berkaitan tolak pemulihan untuk menyelesaikan obligasi terkini pada tarikh kunci kira-kira.

Peruntukan juga telah dibuat untuk kos tuntutan, bersama dengan perbelanjaan berkaitan yang tertanggung tetapi tidak dilaporkan ("IBNR") pada tarikh kunci kira-kira, berdasarkan kepada penilaian aktuarial yang dilakukan oleh ahli aktuari Syarikat, dengan menggunakan kaedah anggaran yang betul dan konsisten berasaskan statistik tuntutan yang dikumpulkan dengan sempurna.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(m) Hasil penajajaminan insurans am (sambungan)

Kos perolehan

Kos perolehan dan pembaharuan polisi insurans selepas ditolak pendapatan dari premium insurans semula penyerah adalah diiktiraf sebagai ditanggung dan diperuntukkan sewajarnya kepada tempoh kewangan di mana ia mungkin menjadi pendapatan.

(n) Cukai pendapatan

Perbelanjaan cukai semasa ditentukan menurut bidang kuasa perundangan percukaian di mana Syarikat berurusan dan merangkumi segala cukai berasaskan keuntungan boleh cukai.

Cukai tertunda diiktiraf sepenuhnya dengan menggunakan kaedah liabiliti pada perbezaan sementara yang berlaku di antara jumlah ditujukan kepada aset dan liabiliti untuk tujuan cukai dan jumlah dibawa dalam penyata kewangan.

Aset cukai tertunda diiktiraf sehingga ke tahap kemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai sedia ada agar perbezaan sementara boleh cukai atau kerugian cukai tidak dipakai boleh digunakan.

Kadar cukai yang digubal atau digubal dengan ketara pada tarikh penyata aset dan liabiliti digunakan untuk menentukan cukai tertunda.

(o) Liabiliti kontingen dan aset kontingen

Syarikat tidak mengiktiraf liabiliti kontingen tetapi mendedahkan kewujudannya dalam penyata kewangan. Liabiliti kontingen mungkin merupakan obligasi yang wujud disebabkan peristiwa lepas di mana kewujudannya akan dipastikan oleh peristiwa masa depan di luar kawalan Syarikat atau obligasi masa kini yang tidak diiktiraf kerana aliran keluar sumber tidak mungkin diperlukan untuk menyelesaikan obligasi ini. Liabiliti kontingen juga wujud tetapi jarang pada keadaan di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf kerana tidak dapat dinilai dengan tepat.

Aset kontingen adalah aset yang mungkin wujud disebabkan oleh peristiwa lepas di mana kewujudannya akan dipastikan oleh peristiwa masa depan di luar kawalan Syarikat. Syarikat tidak mengenalpasti aset kontingen, tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk faedah ekonomi untuk Syarikat adalah satu kemungkinan, tetapi bukan pasti.

(p) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf sekiranya Syarikat mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif pada masa kini disebabkan oleh peristiwa lepas, apabila terdapat kemungkinan aliran keluar sumber diperlukan untuk menyelesaikan obligasi ini, dan anggaran jumlah dapat dibuat dengan tepat.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

(q) Instrumen kewangan

Instrumen kewangan diiktiraf dalam kunci kira-kira apabila Syarikat menjadi parti kepada peruntukan kontraktual instrumen. Dasar perakaunan tentang pengiktirafan dan pengukuran perkara-perkara ini dinyatakan dalam nota dasar perakaunan masing-masing.

Instrumen kewangan adalah diklasifikasikan sebagai liabiliti atau ekuiti mengikut kepentingan aturan kontraktual. Faedah, dividen dan keuntungan serta kerugian berkaitan dengan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai liabiliti dilaporkan sebagai kos atau pendapatan kewangan. Agihan kepada pemegang instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai ekuiti dicaj terus kepada ekuiti. Instrumen kewangan diofset apabila Syarikat mempunyai hak boleh dikuatkuasa dari segi undang-undang untuk mengofset dan berniat untuk menyelesaikannya dengan cara dasar bersih atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

Dasar anggaran nilai saksama Syarikat untuk instrumen kewangan adalah seperti berikut:

Komponen	Kaedah penentuan nilai saksama
(i) Sekuriti Kerajaan Malaysia	Harga pasaran indikatif
(ii) Sekuriti hutang korporat tidak disebutbarga	Harga disebutbarga oleh agensi dan broker harga
(iii) Sekuriti ekuiti disebutbarga	Harga pasaran disebutbarga
(iv) Pinjaman belum terima	Aliran tunai masa depan selepas diskaun berdasarkan tempoh matang dalam kontrak. Kadar diskaun adalah berdasarkan kadar faedah pasaran terkini
(v) Aset dan liabiliti kewangan lain dengan tempoh matang kurang dari setahun	Nilai dibawa yang dianggap menghampiri nilai saksama mereka

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

3. ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN KRITIKAL PERAKAUNAN

Anggaran dan pertimbangan dinilai secara berterusan oleh para Pengarah dan berdasarkan pengalaman sejarah dan faktor-faktor lain, termasuk jangkaan peristiwa-peristiwa masa depan yang dianggap munasabah di bawah suasana kini.

3.1 Anggaran dan anggapan kritikal perakaunan

Syarikat membuat anggaran dan anggapan berkenaan masa depan. Keputusan anggaran perakaunan secara definisi, jarang menyamai keputusan sebenar yang berkaitan. Anggaran dan anggapan yang mempunyai risiko tinggi menyebabkan pertimbangan material kepada jumlah aset dan liabiliti yang dibawa dalam tahun kewangan adalah seperti berikut.

Tuntutan Tertanggung Tetapi Tidak Dilaporkan ("IBNR")

Tuntutan Tertanggung Tetapi Tidak Dilaporkan ("IBNR") untuk setiap kelas perniagaan dianggarkan dengan merujuk kepada pelbagai teknik anggaran, pada amnya berdasarkan analisis statistik pengalaman sejarah yang mengandaikan suatu dasar model pembangunan tuntutan dan bayaran. Anggaran yang dipilih adalah berdasarkan pertimbangan keputusan setiap kaedah dan maklumat kualitatif, misalnya kelas perniagaan, kematangan portfolio dan anggaran jangka masa penyelesaian kelas. Tinjauan dibuat berdasarkan pengalaman sejarah dan ukur rujuk luaran di mana berkaitan.

3.2 Pertimbangan kritikal dalam menggunakan dasar perakaunan entiti

Dalam menentukan dan menggunakan polisi perakaunan, pertimbangan diperlukan untuk perkara di mana pilihan dasar spesifik dapat membawa kesan material terhadap laporan keputusan dan kedudukan kewangan Syarikat. Walau bagaimanapun, para Pengarah berpendapat pada masa ini tidak terdapat sebarang dasar perakaunan yang memerlukan pertimbangan yang mendalam.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

4. HARTANAH, PERALATAN DAN LENGKAPAN

	Perabot dan peralatan RM	Peralatan komputer RM	Kenderaan bermotor RM	Pengubahsuaian RM	Jumlah RM
Tempoh kewangan pada 31 Disember 2008					
Pemindahan perniagaan dari syarikat induk (Nota 25)	3,401,130	136,532	272,219	5,350,222	9,160,103
Tambahan pada kos	3,018,900	-	-	2,389,787	5,408,687
Caj susut nilai	(550,532)	(63,280)	(25,541)	(527,772)	(1,167,125)
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2008	<u>5,869,498</u>	<u>73,252</u>	<u>246,678</u>	<u>7,212,237</u>	<u>13,401,665</u>
Pada 31 Disember 2008					
Kos	10,260,962	1,975,876	470,348	10,640,338	23,347,524
Susut nilai terkumpul	(4,391,464)	(1,902,624)	(223,670)	(3,428,101)	(9,945,859)
Nilai buku bersih	<u>5,869,498</u>	<u>73,252</u>	<u>246,678</u>	<u>7,212,237</u>	<u>13,401,665</u>

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

5. ASET TIDAK KETARA

	2008 RM
Tempoh kewangan pada 31 Disember	
Pemindahan perniagaan dari syarikat induk (Nota 25)	224,446
Caj pelunasan	(62,587)
Nilai buku bersih pada 31 Disember 2008	<u>161,859</u>
Pada 31 Disember 2008	
Kos	498,752
Pelunasan terkumpul	(336,893)
	<u>161,859</u>

6. PELABURAN

	Nilai dibawa RM	2008 Nilai pasaran RM
Sekuriti Kerajaan Malaysia, pada kos	269,659,800	
Pelunasan premium - bersih	(1,780,022)	
	<u>267,879,778</u>	<u>275,733,168</u>
Kertas Cagamas, pada kos	69,249,250	
Penambahan diskaun - bersih	53,339	
	<u>69,302,589</u>	<u>70,803,107</u>
Disebutharga:		
Sekuriti ekuiti perbadanan:		
Disebutharga di Malaysia, pada kos	7,027,174	
Peruntukan pengurangan nilai	(867,316)	
	<u>6,159,858</u>	<u>6,159,858</u>
Dana pelaburan hartanah, pada kos	2,284,878	
Peruntukan pengurangan nilai	(333,494)	
	<u>1,951,384</u>	<u>1,951,384</u>

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

6. PELABURAN (SAMBUNGAN)

	Nilai dibawa RM	2008 Nilai pasaran RM
Tidak disebut harga:		
Sekuriti hutang korporat, pada kos	177,574,100	
Pelunasan premium – bersih	(3,280,174)	
	<u>174,293,926</u>	
 Pelaburan lain	 <u>220,000</u>	
 Deposit tetap dengan bank-bank berlesen	 <u>207,881,521</u>	
Jumlah pelaburan	<u>727,689,056</u>	

Struktur kematangan Sekuriti Kerajaan Malaysia, kertas Cagamas, sekuriti hutang korporat dan deposit tetap adalah seperti berikut:

	2008 Nilai dibawa RM
Pelaburan matang dalam tempoh 12 bulan	106,235,863
Pelaburan matang selepas tempoh 12 bulan	613,121,951
	<u>719,357,814</u>

7. PINJAMAN

	2008 RM
Pinjaman bercagar kakitangan	4,584,139
Peruntukan hutang ragu	(509,310)
	<u>4,074,829</u>
 Diterima dalam tempoh 12 bulan	 662,229
Diterima selepas tempoh 12 bulan	3,412,600
	<u>4,074,829</u>

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

8. PELBAGAI PENGHUTANG

	2008 RM
Penghutang perdagangan	
Premium belum dibayar termasuk baki-baki ejen, broker dan penanggung insurans bersama	61,661,474
Peruntukan hutang ragu	(11,320,109)
	<u>50,341,365</u>
 Terhutang daripada penanggung insurans semula dan syarikat penyerah	 11,046,357
Peruntukan hutang ragu	(3,601,135)
	<u>7,445,222</u>
	<u>57,786,587</u>
 Lain-lain Penghutang	
Pendapatan faedah terhutang dan terakru	7,351,204
Aset dipegang di bawah Malaysian Motor Insurance Pool	2,856,501
Belum terima lain, deposit dan bayaran terdahulu	2,429,268
Terhutang daripada perbadanan berkaitan (Nota 22)	1,252,567
	<u>13,889,540</u>
	<u>71,676,127</u>

Jumlah terhutang daripada perbadanan berkaitan adalah tidak bercagar, bebas faedah dan tiada syarat tetap bayaran balik. Pendedahan mata wang jumlah terhutang daripada perbadanan berkaitan adalah seperti berikut:

	2008 RM
Ringgit Malaysia	(437,536)
Dolar Amerika Syarikat	1,690,103
	<u>1,252,567</u>

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

9. ASET CUKAI TERTUNDA

Aset dan liabiliti cukai tertunda adalah diofset apabila terdapat hak berkuatkuasa berundang untuk menolak aset cukai semasa terhadap liabiliti cukai semasa dan apabila cukai tertunda berkaitan dengan kuatkuasa cukai yang sama.

Jumlah berikut, ditentukan selepas pengofsetan yang sesuai, disertakan dalam kunci kira-kira:

	2008 RM
Tertakluk kepada cukai pendapatan:	
Aset cukai tertunda	5,311,817
Pemindahan perniagaan daripada syarikat induk (Nota 25) (Dicaj) / dikredit ke penyata pendapatan (Nota 17):	3,925,680
- hartanah, peralatan danengkapan	(20,464)
- pelaburan	892,300
- penghutang perdagangan	404,268
- rizab premium tidak terperoleh	110,033
	1,386,137
Pada 31 Disember	5,311,817
Tertakluk kepada cukai pendapatan:	
Aset cukai tertunda (sebelum pengofsetan)	
Pelaburan	1,551,916
Penghutang perdagangan	3,365,088
Rizab premium tidak terperoleh	816,671
	5,733,675
Pengofsetan	(421,858)
Aset cukai tertunda (selepas pengofsetan)	5,311,817
Liabiliti cukai tertunda (selepas pengofsetan)	
Hartanah, peralatan danengkapan	421,858
	421,858
Pengofsetan	(421,858)
Liabiliti cukai tertunda (selepas pengofsetan)	-

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

10. PERUNTUKAN TUNTUTAN BELUM JELAS

	2008 RM
Peruntukan tuntutan belum jelas	319,343,857
Boleh pulih daripada penanggung insurans semula	(69,380,269)
Tuntutan belum jelas bersih	<u>249,963,588</u>

11. PELBAGAI PEMIUTANG**Pemiutang perdagangan**

Terhutang kepada ejen, broker, penanggung insurans bersama dan pihak diinsuranskan	32,762,675
Terhutang kepada penanggung insurans semula dan syarikat penyerah	24,051,657
	56,814,332

Lain-lain pemiutang

Liabiliti senarai gaji	2,132,179
Cukai perkhidmatan dan duti setem belum bayar	812,541
Akruan untuk levi Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans	1,109,914
Perbelanjaan terakru	14,688,102
Terhutang kepada syarikat induk	2,145,851
Lain-lain pemiutang	856,341
	21,744,928
	<u>78,559,260</u>

Jumlah terhutang kepada syarikat induk adalah tidak bercagar, bebas faedah dan tiada syarat tetap bayaran balik.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

12. RIZAB PREMIUM TIDAK TERPEROLEH

	Kebakaran RM	Motor RM	Marin, penerbangan dan transit RM	Pelbagai RM	Jumlah RM
2008					
Jangka masa pendek					
Pemindahan perniagaan daripada syarikat induk (Nota 25)	34,430,602	67,978,269	2,973,277	56,242,889	161,625,037
Pengurangan dalam rizab	(2,924,353)	(769,438)	(703,545)	(4,396,877)	(8,794,213)
Pada 31 Disember 2008	<u>31,506,249</u>	<u>67,208,831</u>	<u>2,269,732</u>	<u>51,846,012</u>	<u>152,830,824</u>
Jangka masa panjang					
Pemindahan perniagaan daripada syarikat induk (Nota 25)	-	-	1,049,322	13,625,029	14,674,351
Penambahan/(pengurangan) dalam rizab	-	-	491,161	(607,250)	(116,089)
Pada 31 Disember 2008	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>1,540,483</u>	<u>13,017,779</u>	<u>14,558,262</u>
Jumlah	<u>31,506,249</u>	<u>67,208,831</u>	<u>3,810,215</u>	<u>64,863,791</u>	<u>167,389,086</u>

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

13. MODAL SAHAM

	2008 RM
Modal saham dibenarkan	
Pada tarikh pemerbadanan / 31 Disember	500,000,000
Modal saham diterbitkan	
Pada tarikh pemerbadanan	2
Diterbitkan semasa tempoh kewangan	310,799,998
Pada 31 Disember	310,800,000

Pada 1 Jun 2008, Syarikat memperuntukkan dan menerbitkan 99,999,998 saham biasa baru pada harga RM1.00 sesaham pada nilai parnya sebagai sebahagian daripada pertimbangan pembelian untuk pemerolehan perniagaan daripada syarikat induk untuk memenuhi modal saham diterbitkan dan berbayarnya sebanyak RM100,000,000 yang diperlukan di bawah Seksyen 18 dalam Akta Insurans 1996.

Pada 26 Jun 2008, Syarikat menguntukkan dan menerbitkan 210,800,000 saham biasa baru dengan harga RM1.00 sesaham pada nilai parnya sebagai pertimbangan pembelian yang tinggal untuk pemerolehan perniagaan daripada syarikat induk.

Saham biasa baru yang diterbitkan semasa tempoh itu diberi pangkat 'pari passu' dari semua segi dalam saham biasa semasa Syarikat.

14. PENDAPATAN OPERASI

	2008 RM
Premium kasar	269,722,266
Pendapatan pelaburan (Nota 15)	19,325,724
	289,047,990

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

15. PENDAPATAN PELABURAN

	2008 RM
Dana am	
Faedah daripada:	
Deposit tetap	6,126,796
Sekuriti Kerajaan Malaysia	6,230,549
Kertas Cagamas	1,598,479
Sekuriti hutang korporat tidak disebutbarga	5,565,669
Pinjaman bercagar	136,478
Pelunasan premium bersih selepas penambahan diskaun	(592,937)
Dividen kasar daripada sekuriti ekuiti disebutbarga di Malaysia	260,690
	<u>19,325,724</u>

16. PENDAPATAN OPERASI LAIN - BERSIH

Dana am	
Keuntungan atas penjualan hartanah, peralatan danengkapan	800
Keuntungan atas penjualan pelaburan	87,654
Keuntungan pertukaran asing - terealisasi	1,908,015
Keuntungan pertukaran asing – belum terealisasi	184,843
Pendapatan runcit	299,971
Peruntukan pengurangan dalam nilai pelaburan	(1,200,810)
	<u>1,280,473</u>

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

17. PERCUKAIAN**2008
RM**

Tempoh kewangan semasa	14,546,470
Cukai tertunda – pengasalan dan pembalikan perbezaan sementara (Nota 9)	(1,386,137)
Perbelanjaan cukai	<u>13,160,333</u>

Penjelasan mengenai hubungan antara perbelanjaan cukai dengan keuntungan sebelum cukai adalah seperti berikut:

**2008
RM**

Keuntungan sebelum cukai	<u>49,579,787</u>
Cukai dikira pada kadar cukai Malaysia sebanyak 26%	12,890,745
Kesan cukai ke atas perbelanjaan yang tidak boleh ditolak untuk tujuan cukai	317,647
Kesan cukai ke atas pendapatan yang tidak boleh dicukai untuk tujuan cukai	(48,059)
Perbelanjaan cukai	<u>13,160,333</u>

18. PENDAPATAN SESAHAM

Pendapatan sesaham biasa telah dikira berdasarkan keuntungan bersih untuk tempoh kewangan RM36,419,454 dan bilangan saham biasa purata wajaran diterbitkan semasa tempoh kewangan ialah 162,542,858.

2008

Pendapatan sesaham	<u>22 sen</u>
--------------------	---------------

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

19 TUNTUTAN BERSIH TERTANGGUNG ("IBNR")

	Kebakaran RM	Motor RM	Marin, penerbangan dan transit RM	Pelbagai RM	Jumlah RM
2008					
Tuntutan kasar dibayar tolak sisaan	15,687,203	62,926,196	1,349,306	30,719,675	110,682,380
Pemulihan insurans semula	(23,114,958)	(2,589,585)	(1,892,299)	(38,558,938)	(66,155,780)
Tuntutan bersih ditanggung	(7,427,755)	60,336,611	(542,993)	(7,839,263)	44,526,600
Tuntutan belum jelas bersih: Pada 31 Disember 2008	39,071,316	105,371,942	1,757,765	103,762,565	249,963,588
Pemindahan perniagaan daripada syarikat induk (Nota 25)	(17,496,037)	(101,652,846)	(1,848,042)	(80,083,569)	(201,080,494)
Tuntutan bersih tertanggung	14,147,524	64,055,707	(633,270)	15,839,733	93,409,694

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

20. PERBELANJAAN PENGURUSAN

	2008 RM
Dana am	
Gaji dan bonus kakitangan	18,385,879
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	2,656,730
Manfaat kakitangan	1,258,846
Kos kakitangan	22,301,455
Gaji juruaudit:	
Audit berkanun	175,000
Yuran untuk perkhidmatan lain	1,985
Gaji Pengarah:	
Bukan eksekutif	119,838
Yuran profesional	200,000
Perbelanjaan perjalanan	672,278
Perbelanjaan kenderaan bermotor	810,712
Perbelanjaan guaman	124,519
Pengiklanan	2,878,419
Percetakan dan alatulis	1,832,762
Sewa dan kadar	2,872,411
Elektik dan air	407,932
Pos, telefon, teleks dan telefaks	7,334,537
Penyelenggaraan pejabat	509,070
Hiburan	601,994
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	1,167,125
Pelunasan aset tidak ketara	62,587
Perbelanjaan latihan	1,861,881
Levi Kumpulan Wang Skim Jaminan Insurans	499,967
Perbelanjaan EDP	5,577,751
Hutang lapuk terhapus kira	29,498
Hutang lapuk terpulih	(53,559)
Peningkatan dalam peruntukan hutang ragu	1,966,096
Perbelanjaan lain	6,319,533
	<u>58,273,791</u>

Ganjaran, termasuk manfaat berupa barangan, kepada Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat semasa tempoh kewangan berjumlah RM224,186.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

20. PERBELANJAAN PENGURUSAN (SAMBUNGAN)

Kakitangan pengurusan yang utama ialah orang yang didefinisikan sebagai orang yang berkuasa dan bertanggungjawab merancang, mengarah dan mengawal aktiviti-aktiviti Syarikat secara langsung atau tidak langsung. Pampasan kakitangan pengurusan utama termasuk Ketua Pegawai Eksekutif adalah seperti berikut:-

	2008 RM
Gaji, bonus dan faedah	2,429,242
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	294,495
Manfaat berupa barangan	270,370
	<u>2,994,107</u>

Jumlah agregat gaji yang diterima oleh para Pengarah Syarikat semasa tempoh kewangan adalah seperti berikut:

	2008 RM
Pengarah Bukan Eksekutif:	
- yuran	117,838
- elaun lain	2,000
	<u>119,838</u>
Pengarah Eksekutif:	
- gaji dan bonus	465,560
- anggaran manfaat berupa barangan dalam nilai wang	145,345
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	53,042
- faedah kakitangan lain	61,467
	<u>725,414</u>
	<u>845,252</u>

21. INFORMASI SEGMENT ALIRAN TUNAI

	2008 RM
Aliran tunai daripada:	
Aktiviti operasi	9,925,680
Aktiviti pelaburan	6,891,983
	<u>16,817,663</u>
Penambahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	
Tunai dan tunai setaraan:	
Pada tarikh pemerbadanan	2
Pada 31 Disember 2008	<u>16,817,665</u>

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

22. PENDEDAHAN PARTI-PARTI BERKAITAN

Parti-parti berkaitan dan hubungan mereka dengan Syarikat adalah seperti berikut:

Syarikat	Negara pemerbadanan	Hubungan
American International Group, Inc.	New York	Syarikat induk utama
American Home Assurance Company	New York	Syarikat induk semasa

Semasa perniagaan dijalankan, Syarikat menanggung pelbagai urusan dengan syarikat induk utama dan perbadanan berkaitan yang lain yang dianggap parti berkaitan kerana mereka ialah ahli-ahli kumpulan syarikat American International Group, Inc. ("Kumpulan AIG"), dengan syarat dan harga yang dipersetujui dan dijalankan mengikut syarat yang setanding dengan syarat komersial biasa yang dispesifikasikan di bawah Garis Panduan BNM JPI/GPI 19 Urusniaga dengan Pihak Berkaitan dan JPI/GPI 25 (Digabungkan) Rangka Hemat Urustadbir Korporat untuk Penanggung Insurans.

- (a) Butir-butir parti berkaitan yang penting semasa tempoh kewangan antara Syarikat dengan Kumpulan AIG adalah seperti berikut:

	2008 RM
Premium diterima	562,155
Premium penanggung insurans semula aliran masuk diterima	716,197
Penyerahan premium penanggung insurans semula	(62,862,634)
Tuntutan penanggung insurans semula terpulih	9,635,046
Hasil komutasi perniagaan larian	136,300,000
Bayaran urusan insurans semula untuk perniagaan larian	(80,294,000)
Komisen dibayar	(138,725)
Komisen diperolehi	8,892,663
Sewa dan utiliti dibayar kepada perbadanan berkaitan	(2,544,468)
Kos berkaitan sistem dibayar kepada perbadanan berkaitan	(2,015,968)
Kos kakitangan dan kos berkaitan diterima dari perbadanan berkaitan	535,440
Yuran pengendalian tuntutan diterima dari perbadanan berkaitan	354,875
Yuran profesional	200,000

- (b) Baki parti berkaitan pada tarikh kunci kira-kira termasuk dalam nota-nota penyata kewangan berikut:

	2008 RM
Pelbagai penghutang (Nota 8)	
Terhutang daripada penanggung insurans semula dan syarikat penyerah	4,352,019
Peruntukan hutang ragu	(1,344,079)
	<u>3,007,940</u>
Jumlah terhutang daripada perbadanan berkaitan	<u>1,252,567</u>
Pelbagai pemiutang (Nota 11)	
Terhutang daripada penanggung insurans semula dan syarikat penyerah	3,051,103
Jumlah terhutang kepada syarikat induk	<u>2,145,851</u>

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

23. INSTRUMEN KEWANGAN

Objektif dan polisi pengurusan risiko kewangan

Risiko pelaburan

Pada amnya, peraturan insurans mengehendkan jenis aset yang boleh dilabur oleh syarikat insurans. Risiko pelaburan mewakili pendedahan kepada kerugian yang disebabkan oleh aliran tunai dari aset pelaburan, terutamanya pelaburan jangka panjang kadar tetap, kurang daripada aliran tunai yang diperlukan untuk memenuhi obligasi polisi jangkaan dan liabiliti kontrak serta keuntungan sepatutnya daripada pelaburan.

Syarikat melakukan pelaburan jangka masa pertengahan ke panjang terutamanya dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia dan bon korporat bergred pelaburan untuk membiayai liabiliti polisi insurans am.

Untuk mengurangkan pendedahan kepada risiko pelaburan, Syarikat menggunakan kajian asas dan pengurusan aktif untuk mendapatkan portfolio seimbang yang menepati matlamat pelaburan untuk pendapatan, sekuriti prinsipal dan pempelbagaian mengikut saiz, pengeluaran dan jenis industri.

Risiko harga ekuiti

Syarikat pada ketika ini mengekalkan pendedahan rendah kepada sekuriti ekuiti tersenarai pada tahap kurang daripada 10% daripada keseluruhan portfolio untuk mengehendkan risiko harga ekuiti.

Risiko kadar faedah

Aktiviti pelaburan Syarikat pada lazimnya terdedah kepada risiko kadar faedah yang timbul terutamanya daripada perbezaan dalam kematangan atau penghargaan semula aset pelaburan. Untuk menghadapi risiko ini, Syarikat mengutamakan matlamat profil kadar faedah keseluruhan yang baik, yang mungkin berubah pada suatu jangka masa, berasaskan matlamat jangka panjang kadar faedah pihak pengurusan dan keadaan ekonomi.

Risiko kecairan

Risiko kecairan ialah risiko liabiliti kewangan yang tidak dapat dipenuhi oleh Syarikat apabila tempoh tamat. Risiko kecairan Syarikat terutamanya timbul daripada aliran tunai operasi yang berpunca daripada dua sumber: operasi penajajaminan dan operasi pelaburan.

Kekukuhan modal Syarikat adalah penting dalam pengurusan kecairan. Para pengarah percaya bahawa aset cair Syarikat dan tunai bersih sumbangan operasi akan membolehkannya memenuhi sebarang jangkaan keperluan tunai.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

23. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Objektif dan polisi pengurusan risiko kewangan (Sambungan)

Risiko perniagaan dan operasi

Risiko operasi termasuk guaman, cukai, politik, peraturan, kegiatan pasaran dan risiko berterusan perniagaan.

Risiko-risiko ini timbul daripada ketidaktentuan tindakan guaman atau proses perundangan, obligasi pelanggan dan rakan perniagaan Syarikat. Audit Dalaman dibantu oleh Jabatan Perundangan dan Pematuhan sentiasa mengkaji keberkesanan kawalan dalaman.

Risiko penajajaminan dan kredit

AIU Insurance Company ("AIUI"), sebuah subsidiari yang dimiliki sepenuhnya oleh AIG, Inc., yang bertindak sebagai penanggung insurans semula semasa Syarikat untuk kebanyakan kontrak triti insurans semula Syarikat ialah pembeli utama insurans semula. AIG sedar akan perlunya mempraktikkan pertimbangan yang baik dalam pemilihan dan kelulusan syarikat-syarikat yang menyertai program insurans semula.

Jabatan Sekuriti Insurans Semula AIU, yang terdiri daripada ahli-ahli pengurusan kanan AIUI, sentiasa menjalankan penilaian pasaran insurans semula dan penanggung insurans semula semasa serta berpotensi. Penilaian ini merangkumi, tetapi tidak terhad kepada menentukan penanggung insurans semula berlesen sah, memiliki kapasiti kewangan secukupnya dan kedudukan ekonomi tempatan. Jabatan ini juga mengkaji jenis risiko diserah dan keperluan cagar. Selain itu, Jawatankuasa Risiko Kredit AIUI mengkaji had kredit dan penumpuan dengan mana-mana satu penanggung insurans semula. Tiada satu pun penanggung insurans semula ialah penanggung utama AIUI dan urusan AIUI tidak bergantung kepada mana-mana satu perjanjian insurans semula. Dalam hal ini, Syarikat bergantung kepada sokongan teknikal AIUI dalam menilai pengaturan triti insurans semula Syarikat.

Dalam pengendalian urusan harian, Syarikat menyerahkan insurans semula kepada syarikat insurans lain untuk tujuan mempelbagaian perniagaan dan mengehadkan kemungkinan kerugian daripada risiko besar.

Pengaturan insurans semula Syarikat tidak melepaskannya daripada tanggungjawab langsung terhadap pihak yang diinsuranskan. Oleh itu, pendedahan kredit wujud berkenaan dengan penyerahan insurans semula sehingga ke takat penanggung insurans semula tidak dapat memenuhi tanggungjawab yang diandaikan di bawah perjanjian insurans semula. Syarikat menguruskan risiko kreditnya dari segi insurans semulanya dengan hanya mengurus dengan penanggung insurans semula yang stabil dari segi kewangan.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

23. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Kadar faedah efektif purata wajaran dan tarikh kematangan

Senarai di bawah menyimpulkan komposisi kadar faedah efektif purata wajaran dan tarikh kematangan Syarikat untuk setiap kelas instrumen kewangan berfaedah dalam kunci kira-kira:

<u>Berfaedah: Penentuan semula harga kontrak atau tarikh kematangan</u> <u>(yang mana lebih awal)</u>									Kadar faedah tahunan efektif purata wajaran
2008	Tidak berfaedah RM	1 tahun atau kurang RM	1 hingga 2 tahun RM	2 hingga 3 tahun RM	3 hingga 4 tahun RM	4 hingga 5 tahun RM	Lebih dari 5 tahun RM	Jumlah nilai dibawa RM	
Aset kewangan:									
Pelaburan									
- Sekuriti Kerajaan Malaysia	-	65,210,302	15,033,768	108,263,849	-	24,938,898	54,432,961	267,879,778	3.98%
- Kertas Cagamas	-	-	-	-	-	-	69,302,589	69,302,589	5.17%
- Sekuriti hutang korporat	-	-	20,131,362	41,657,573	3,024,884	12,180,515	97,299,592	174,293,926	5.21%
- Sekuriti ekuiti perbadanan	6,159,858	-	-	-	-	-	-	6,159,858	
- Dana pelaburan hartanah	1,951,384	-	-	-	-	-	-	1,951,384	
- Deposit tetap	-	41,025,561	1,855,960	-	25,000,000	50,000,000	90,000,000	207,881,521	4.81%
- Pelaburan lain	220,000	-	-	-	-	-	-	220,000	
Pinjaman tidak bercagar									
kakitangan	31,880	637,804	572,754	448,470	399,365	336,622	1,647,934	4,074,829	4.90%
Lain-lain penghutang	10,840,546	-	-	-	-	-	-	10,840,546	
Tunai dan baki bank	16,817,665	-	-	-	-	-	-	16,817,665	
Jumlah aset kewangan	36,021,333	106,873,667	37,593,844	150,369,892	28,424,249	87,456,035	312,683,076	759,422,096	
 Aset kewangan lain*								57,786,587	
 Jumlah aset kewangan								817,208,683	
Aset bukan kewangan:									
Hartanah, peralatan danengkapan								13,401,665	

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

23. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Kadar faedah efektif purata wajaran dan tarikh kematangan (Sambungan)

Berfaedah: Penentuan semula harga kontrak atau tarikh kematangan (yang mana lebih awal)

	Tidak berfaedah RM	1 tahun atau kurang RM	1 hingga 2 tahun RM	2 hingga 3 tahun RM	3 hingga 4 tahun RM	4 hingga 5 tahun RM	Lebih dari 5 tahun RM	Jumlah nilai dibawa RM
Aset tidak ketara								161,859
Aset cukai tertunda								5,311,817
Aset dipegang di bawah Malaysian Motor Insurance Pool								2,856,501
Lain-lain penghutang								192,493
Cukai boleh pulih								3,998,370
Jumlah aset								843,131,388
Liabiliti kewangan:	21,744,928	-	-	-	-	-	-	21,744,928
Liabiliti kewangan lain*								474,167,006
Jumlah liabiliti								495,911,934

(* Pendedahan informasi untuk aset dan liabiliti kewangan berkenaan hak dan obligasi berpunca dari perjanjian insurans tidak ditunjukkan kerana dikecualikan daripada skop FRS 132 “Instrumen Kewangan: Pendedahan dan Pembentangan”).

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

23. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Nilai saksama

Nilai dibawa aset dan liabiliti kewangan Syarikat pada 31 Disember 2008 menganggarkan nilai saksama, kecuali berikut:

	Nilai dibawa 2008 RM	Nilai saksama 2008 RM
Pelaburan:		
- Sekuriti Kerajaan Malaysia	267,879,778	275,733,168
- Kertas Cagamas	69,302,589	70,803,107
- Sekuriti hutang tidak disebutbarga	174,293,926	178,514,406
Pinjaman:		
- Pinjaman bercagar kakitangan **	4,074,829	3,088,875

** Jumlah dibawa pinjaman kakitangan bercagar Syarikat tidak dikurangkan kepada nilai saksama anggaran kerana pinjaman kakitangan Syarikat ialah pinjaman kepada para pekerja dan para Pengarah berpendapat bahawa jumlah ini akan dibayar balik secara penuh dan tepat masanya.

Risiko kredit

	2008 RM
Penarafan sekuriti hutang korporat pada kadar nilai pasaran	
AAA	63,074,524
AA	78,612,805
A	7,728,409
Tidak ditaraf **	29,098,668
	<u>178,514,406</u>

Kategori penarafan adalah berasaskan penarafan agensi yang bereputasi.

** Sekuriti tidak ditaraf ialah sekuriti dijamin kerajaan.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

24. KOMITMEN

Komitmen pajakan operasi tidak terbatal

Pada tarikh kunci kira-kira, Syarikat mempunyai komitmen sewaan di bawah pajakan operasi tidak terbatal:

	Bayaran pajakan minimum masa depan 2008 RM
Dana am	
Tidak lewat dari 1 tahun	5,683,690
Lewat dari 1 tahun dan tidak lewat dari 5 tahun	6,305,349
	<u>11,989,039</u>

25. PERISTIWA PENTING PADA TEMPOH KEWANGAN

(a) Pemindahan perniagaan daripada syarikat induk

Pada tahun 2007, syarikat induk, American Home Assurance Company ("AHA") telah memohon kepada Bank Negara Malaysia ("BNM") untuk menyetempatan Cawangan Malaysia ("AHAM") supaya menjadi syarikat awam berhad yang ditubuhkan secara tempatan mengikut Seksyen 14 dan 217 (b) Akta Insurans 1996. Akta ini memerlukan semua cawangan penanggung insurans asing, selain daripada penanggung insurans semula yang profesional untuk memindahkan harta, perniagaan dan liabilitinya ke syarikat awam yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 kerana perkaitannya dengan perniagaan insurans di Malaysia.

Sebuah syarikat yang diperbadankan secara tempatan, iaitu AIG General Insurance (Malaysia) Bhd ("Syarikat") telah diperbadankan pada 13 November 2007. Pada 13 Februari 2008, Syarikat telah mengikat perjanjian penjualan perniagaan yang bersyarat dengan AHA, iaitu syarikat induk untuk memindahkan Perniagaan Insurans Am ("Perniagaan") AHAM kepada Syarikat, secara berterusan, berdasarkan nilai buku bersih ("NBB") aset bersih AHAM pada tarikh penyelesaian. Pemindahan perniagaan ini telah diluluskan oleh BNM, Suruhanjaya Sekuriti dan Menteri Kewangan.

Pada 1 Jun 2008, Perniagaan telah dipindahkan kepada Syarikat pada NBB aset bersih AHAM yang bertarikh 31 Mei 2008. Pada hari yang sama, Syarikat memperolehi lesen insurans amnya dan menjalankan perniagaan insurans amnya.

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

25. PERISTIWA PENTING PADA TEMPOH KEWANGAN (SAMBUNGAN)

(b) Dasar Pemindahan

Oleh kerana pemindahan perniagaan dikawal oleh peraturan dan perniagaan-perniagaan berasingan tidak disatukan menjadi satu entiti laporan, definisi gabungan perniagaan di bawah FRS 3 Gabungan Perniagaan tidak dipenuhi. Oleh itu, pemindahan perniagaan ini dianggap sebagai organisasi semula dalaman.

Oleh kerana tidak terdapat petunjuk dalam FRS untuk urusan organisasi semula dalaman, jadi, pemindahan perniagaan daripada syarikat induk dikira sebagai gabungan perniagaan di bawah kawalan am dan kaedah perakaunan pendahulu digunakan.

Kaedah perakaunan pendahulu memerlukan penyata-penyata kewangan disediakan mengikut cara pendahulu, iaitu nilai buku tanpa peningkatan ke atas nilai saksama. Perbezaan antara sebarang pertimbangan dan nilai buku agregat aset dan liabiliti (pada tarikh urusan) untuk entiti yang diperolehi direkod sebagai pelarasan ke atas ekuiti. Muhibah tidak perlu diwujudkan akibat urusan ini.

Pemindahan perniagaan ini dipenuhi dengan penerbitan 310,800,000 saham biasa baru pada harga RM1.00 sesaham pada par dan jumlah belum bayar kepada syarikat induk ialah RM2,415,851.

Aset dan liabiliti yang timbul daripada pemindahan perniagaan adalah seperti berikut:

	RM
Hartanah, peralatan danengkapan (Nota 4)	9,160,103
Aset tidak ketara (Nota 5)	224,446
Pinjaman	4,690,505
Pelaburan	449,989,861
Deposit tetap/pasaran wang	202,093,735
Tunai dan baki bank	12,299,870
Pelbagai Penghutang	79,539,589
Aset cukai tertunda (Nota 9)	3,925,680
Aset cukai semasa	14,969,170
Peruntukan tuntutan tertunggak (Nota 19)	(201,080,494)
Pelbagai pemiutang	(86,297,228)
Rizab premium tidak terperoleh (Nota 12)	(176,299,388)
	<u>313,215,849</u>
Pertimbangan pembelian:	
- 310,800,000 saham biasa baru Syarikat pada harga RM 1.00	
sesaham diterbitkan pada par	310,799,998
- Jumlah belum bayar kepada syarikat induk	2,415,851
	<u>313,215,849</u>
Aliran masuk tunai berkenaan pemindahan perniagaan adalah seperti berikut:	
Tunai dan tunai setaraan perniagaan yang diperolehi	<u>12,299,870</u>

NOTA-NOTA PENYATA KEWANGAN

- 31 DISEMBER 2008 (SAMBUNGAN)

26. ANGKA PERBANDINGAN

Tiada angka perbandingan dibentangkan kerana ini ialah set penyata kewangan berkanun pertama Syarikat sejak pemerbadanannya.